

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

# INFO PTPTN



AKTIVITI UTAMA  
KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS)  
SOALAN LAZIM  
MAKLUMAT PERHUBUNGAN

# INFO PTPTN



# KANDUNGAN

---

PERKARA

MUKA SURAT

## 1. AKTIVITI UTAMA

<b>1.1 WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)</b>	<b>4</b>
1.1.1 Syarat-Syarat Pemberian WPP	
1.1.2 Kaedah Pengagihan dan Pengeluaran WPP	
1.1.3 Penggantian Waran WPP	
1.1.4 Permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN Bagi Penunai WPP	
1.1.5 Penolakan Waran WPP	
<b>1.2 SKIM PEMBIAYAAN PENDIDIKAN (SPP)</b>	<b>5 - 9</b>
1.2.1 Permohonan Pembiayaan Baru	
1.2.2 Skop Pembiayaan Pendidikan	
1.2.3 Kelayakan Memohon Pembiayaan Pendidikan	
1.2.4 Peringkat Jumlah Pembiayaan	
1.2.5 Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan	
1.2.6 Penahanan Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan	
1.2.7 Pemberhentian Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan	
1.2.8 Jumlah Pembiayaan Pendidikan	
<b>1.3 BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN</b>	<b>10 - 17</b>
1.3.1 Bayaran Balik Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)	
1.3.2 Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan	
1.3.3 Kos Pentadbiran Dan Ujrah/ Upah	
1.3.4 Kaedah Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan	
1.3.5 Pengurusan Pertukaran Pinjaman Kepada Pembiayaan Pendidikan Berasaskan Syariah Islam (Ujrah/ Upah)	
1.3.6 Penangguhan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan	
1.3.7 Pengecualian Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan Bagi Peminjam Yang Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama	
1.3.8 Penjadualan/ Penstrukturkan Semula Pembiayaan Pendidikan	
1.3.9 Tindakan Penguatkuasaan (Saman Dan Senarai Hitam)	
<b>1.4 SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN-i)</b>	<b>18 - 21</b>
1.4.1 Syarat-Syarat Pembukaan Akaun	
1.4.2 Kategori Had Umur Bagi Tujuan Pembukaan Akaun	
1.4.3 Pembukaan Akaun	
1.4.4 Ciri-Ciri Dan Keistimewaan	
1.4.5 Kaedah Simpanan SSPN-i	
1.4.6 Penyata Akaun SSPN-i Dan Penyata Ringkasan Pelepasan Cukai Pengeluaran Deposit Dan Penutupan Akaun	

## KANDUNGAN (sambungan)

---

PERKARA	MUKA SURAT
<b>2. KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS)</b>	<b>24 - 25</b>
<b>2.1 PEMBELIAN NOMBOR PTPTN BAGI TUJUAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN SECARA DALAM TALIAN</b>	
2.1.1 Pendaftaran Di ATM/ CDM	
2.1.2 Format SMS	
<b>2.2 SENARAI SEMAKAN MAKLUMAT MELALUI SMS</b>	
2.2.1 mySMS	
2.2.2 myUSSD	
<b>3. SOALAN LAZIM</b>	<b>28 - 72</b>
<b>4. MAKLUMAT PERHUBUNGAN</b>	<b>74 - 78</b>



# 1

## AKTIVITI UTAMA

- Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)
- Skim Pembiayaan Pendidikan (SPP)
- Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan
- Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i )



INFO PTPTN



# AKTIVITI UTAMA

Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)



## 1. AKTIVITI UTAMA

### 1.1 WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)

Wang Pendahuluan Pembiayaan berjumlah RM1,500.00 bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan pelajar dalam menyediakan kelengkapan diri sebelum mendaftar di IPTA. Mulai Jun 2010, kemudahan WPP turut diperluaskan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Politeknik.

#### 1.1.1 Syarat-Syarat Pemberian WPP

- Pelajar telah membuat persetujuan menerima WPP melalui saluran yang ditetapkan oleh PTPTN;
- Warganegara Malaysia;
- Pelajar ditawarkan pengajian bagi peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa di IPTA dan Politeknik; dan
- Pelajar tidak pernah menunaikan WPP.

\* Syarat adalah tertakluk kepada sebarang perubahan yang ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa.

#### 1.1.2 Kaedah Pengagihan dan Pengeluaran WPP

- Pengeluaran WPP diuruskan dengan menggunakan konsep waran dan tarikh sah laku waran adalah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh dikeluarkan;
- PTPTN mengajihkan waran WPP kepada pelajar-pelajar yang berjaya mendapat tempat di IPTA dan Politeknik melalui dua kaedah iaitu serahan tangan atau pengeposan ke alamat pelajar, dalam tempoh dua (2) minggu sebelum pelajar mendaftarkan diri ke IPTA dan Politeknik;
- Pelajar perlu hadir ke cawangan bank yang dilantik oleh Perbadanan (kini ialah Bank CIMB) dengan membawa MyKad untuk menunaikan waran tersebut;
- Penunaian melalui wakil adalah tidak dibenarkan; dan
- Waran tersebut juga tidak boleh ditunaikan melalui Mesin Deposit Cek (Cheque Deposit Machine).

#### 1.1.3 Pengantian Waran WPP

Waran hanya dikeluarkan sekali sahaja. Waran yang rosak atau hilang boleh dipertimbangkan untuk cetakan semula tertakluk kepada budi bicara PTPTN.

#### 1.1.4 Permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN bagi Penunai WPP

- Penunai WPP dikehendaki memohon pembiayaan pendidikan PTPTN dengan segera pada semester pertama; dan
- Penunai WPP yang telah memohon dan diluluskan pembiayaan pendidikan PTPTN, pemotongan sebanyak RM500.00 setiap semester daripada jumlah pembiayaan pendidikan akan dibuat secara automatik pada semester yang sama atau berikutnya.

#### 1.1.5 Penolakan Waran WPP

Pelajar yang tidak berminat dengan tawaran WPP, tidak perlu menunaikan waran tersebut. Tuntutan bayaran balik hanya akan dibuat kepada mana-mana pelajar yang menunaikan waran WPP berdasarkan laporan penunaian waran yang diterima daripada bank.



## 1.2 SKIM PEMBIAYAAN PENDIDIKAN (SPP)

Skim Pembentangan Pendidikan (SPP) diwujudkan bagi tujuan memberi pembentangan pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di IPT-tempatan. Pembentangan pendidikan ini membolehkan pelajar membentang sepenuh atau sebahagian yuran pengajian dan juga kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT. Sekali gus, membuka lebih banyak peluang kepada semua golongan pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pendidikan tinggi.

Selaras dengan keperluan untuk melaksanakan pembentangan pendidikan berlandaskan prinsip Syariah, PTPTN telah memperkenalkan pembentangan pendidikan dengan berdasarkan kaedah Ujrah atau Upah (pembentangan Ujrah). Upah yang dikenakan adalah pada kadar 1% setahun atas kadar rata dan menggantikan kaedah pinjaman sedia ada yang mengenakan kos pentadbiran 3% dan 5% setahun atas baki berkurangan. Kaedah Ujrah ini adalah selaras dengan Syariah Islam sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada 28 Julai 2008. Kaedah ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 6 Ogos 2008 dan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2008.

Tawaran ini telah dibuat kepada pelajar-pelajar baru mulai 22 Disember 2008.

### 1.2.1 Permohonan Pembentangan Baru

Permohonan bagi pembentangan pendidikan PTPTN adalah secara dalam talian melalui Portal Rasmi PTPTN. Semua tawaran baru yang diluluskan mulai 22 Disember 2008 adalah dibuat mengikut kaedah baru Ujrah atau Upah pada kadar 1% setahun atas kadar rata.

# AKTIVITI UTAMA

Skim Pembiayaan Pendidikan (SPP) (sambungan)



## 1.2.2 Skop Pembiayaan Pendidikan

Terbuka kepada pelajar-pelajar yang mengikuti peringkat pengajian seperti di Jadual 1:

Jadual 1 : Skop Pemberian Pembiayaan Pendidikan

Jenis IPT	Peringkat Pengajian	Mod Pengajian
IPTA & POLITEKNIK	Diploma	Sepenuh Masa & Separuh Masa
	Ijazah Pertama	
	Ijazah Sarjana (Master)	
	Doktor Falsafah (PhD)	
	Kursus Profesional	
IPTS	Diploma	Sepenuh Masa & Separuh Masa *
	Ijazah Pertama	

Nota :

\* Pembiayaan pendidikan hanya terhad kepada pelajar Universiti Terbuka Malaysia, Universiti Terbuka Wawasan, Universiti Tun Abdul Razak, Asia E University dan Universiti Antarabangsa UNITAR.

## 1.2.3 Kelayakan Memohon Pembiayaan Pendidikan

- i) Warganegara Malaysia.
  - ii) Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon.
  - iii) Mendapat tawaran ke IPTA/ PTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
  - iv) Kursus yang diikuti oleh pelajar IPTA/ PTS dan Politeknik mestilah mendapat kelulusan pendaftaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan berdaftar dengan PTPTN.\*
  - v) Bagi pelajar-pelajar PTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan masih di dalam tempoh sah laku semasa tarikh memohon.
  - vi) Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan di perenggan (iv) dan (v), pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan;
  - vii) Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
  - viii) Tiada penaja lain; dan
  - ix) Telah membuka akaun SSPN-i\*\*
- 
- \* Hanya kursus yang diluluskan tajaan PTPTN akan didaftarkan dan disenaraikan dalam Portal Permohonan Online PTPTN. Pihak IPT perlu membuat permohonan sekiranya ingin mendapatkan tajaan pembiayaan PTPTN.
  - \*\* Hanya akaun SSPN-i yang mempunyai 15 digit sahaja yang boleh membuat permohonan PTPTN. Sila hubungi cawangan PTPTN berhampiran untuk menyemak nombor akaun SSPN-i 15 digit.



#### 1.2.4 Peringkat Jumlah Pembiayaan

Penetapan peringkat jumlah pembiayaan pendidikan ditentukan berdasarkan kelayakan seperti di Jadual 2:

Jadual 2 : Peringkat Jumlah Pembiayaan Pendidikan PTPTN

Peringkat Pembiayaan	Kelayakan
Maksimum	Sekiranya pelajar atau penjaga pelajar disenaraikan sebagai penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)
75% daripada pembiayaan maksimum	Pendapatan keluarga tidak melebihi RM8,000 (tiada dalam data BR1M)
50% daripada pembiayaan maksimum	Pendapatan keluarga melebihi RM8,000 (tiada dalam data BR1M)

#### 1.2.5 Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan

- Pengeluaran pembiayaan yang pertama akan dibuat setelah pelajar memulangkan dokumen perjanjian lengkap kepada PTPTN. Pengeluaran pembiayaan kepada pelajar bagi semester berikutnya (*subsequent disbursement*) dibuat berdasarkan syarat-syarat berikut:
  - Masih aktif meneruskan pengajian pada peringkat, jurusan dan IPT yang diluluskan;
  - Lulus peperiksaan pada semester sebelumnya dengan keputusan Purata Nilai Gred (PNG)/ Grade Point Average (GPA) 2.0 ke atas; dan
  - Tidak menerima penaja lain.
- Pengeluaran pembiayaan akan dikreditkan ke akaun pelajar. Potongan bayaran yuran pengajian boleh diuruskan atas persetujuan bersama pelajar, IPT dan bank terlibat.

#### 1.2.6 Penahanan Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan

Penahanan pengeluaran pembiayaan pendidikan akan dibuat kepada pelajar pada mana-mana semester atas sebab-sebab berikut:

- Memperoleh keputusan peperiksaan PNG/ GPA di bawah 2.0;
- Menangguh pengajian dengan kebenaran IPT; atau
- Dikenakan tindakan tatatertib bagi kes pelajar yang digantung pengajian oleh IPT.

#### 1.2.7 Pemberhentian Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan

Pembiayaan pendidikan akan diberhentikan terus atas sebab-sebab berikut:

- Gagal/ berhenti pengajian pada peringkat/ jurusan/ IPT yang diluluskan semasa permohonan pembiayaan pendidikan;
- Pelajar membuat pembatalan pembiayaan pendidikan PTPTN;
- Menerima tajaan lain;
- Pemalsuan maklumat semasa permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN; atau
- Penerima biaya diisyihar muflis.

# AKTIVITI UTAMA

Skim Pembiayaan Pendidikan (SPP) (sambungan)



## 1.2.8 Jumlah Pembiayaan Pendidikan

Jadual 3 : Jumlah Pembiayaan Pendidikan PTPTN

### Program Sepenuh Masa

Institusi	Peringkat Pengajian	Jumlah Pembiayaan Setahun Mengikut Peringkat		
		Maksimum (RM)	75% (RM)	50% (RM)
IPTA & POLITEKNIK	Diploma	4,750	3,560	2,380
	Ijazah Sarjana Muda	6,650	4,990	3,330
	Ijazah Sarjana Muda (Sastera)	6,180	4,630	3,090
	Ijazah Sarjana (Master)	9,500	7,130	4,750
	Doktor Falsafah (PhD)	24,700	18,530	12,350
	Kursus Profesional	5,700	4,280	2,850
IPTS	Foundation	6,800	5,100	3,400
	Diploma	6,800	5,100	3,400
	Diploma (Farmasi, Pergigian & Sains Kesihatan)	12,750	9,560	6,380
	Ijazah Sarjana Muda (Sains)	14,030	10,520	7,010
	Ijazah Sarjana Muda (Sastera)	13,600	10,200	6,800
	Ijazah Sarjana Muda (Farmasi, Pergigian & Sains Kesihatan)	17,000	12,750	8,500
	Ijazah Sarjana Muda Perubatan (MBBS)	30,000	30,000	30,000



## Program Separuh Masa

Institusi	Peringkat Pengajian	Jumlah Pembiayaan Siling Setahun (RM)
IPTA & POLITEKNIK	Diploma	4,750
	Ijazah Sarjana Muda	6,180
	Ijazah Sarjana (Master)	9,500
	Doktor Falsafah ( <i>PhD</i> )	24,700
	Kursus Profesional	5,700
IPTS	Diploma	3,150
	Ijazah Sarjana Muda	3,570

**Nota :**

- Jumlah pembiayaan pendidikan sebenar ditentukan mengikut yuran pengajian sahaja dan tidak melebihi jumlah siling yang ditetapkan.
- Pembiayaan untuk Separuh Masa IPTS disediakan bagi Universiti Terbuka Malaysia, Universiti Terbuka Wawasan, Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), Asia E Universiti dan UNITAR sahaja.

# AKTIVITI UTAMA

## Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan



### 1.3 BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Penerima biaya adalah bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah pembiayaan pendidikan yang dikeluarkan kepadanya oleh PTPTN, termasuk kos-kos lain seperti kos upah, bayaran perlindungan insurans, bayaran cukai Setem Hasil dan lain-lain bayaran seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran pembiayaan pendidikan yang telah ditandatangani oleh pihak PTPTN dan penerima biaya.

#### 1.3.1 Bayaran Balik Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)

- i) Penunai adalah Penerima Biaya
  - a) Pemotongan maksimum sebanyak RM500.00 bagi setiap semester daripada jumlah pengeluaran pembiayaan akan dibuat mulai pada semester pertama atau berikutnya.
  - b) Bagi penunai WPP yang gagal/ berhenti/ membatalkan pembiayaan sebelum WPP ditolak daripada pengeluaran pembiayaan, baki WPP akan dianggap sebahagian daripada pembiayaan pendidikan.
- ii) Penunai Bukan Penerima Biaya
  - a) Surat tuntutan bayaran balik keseluruhan WPP akan dikeluarkan oleh PTPTN kepada penunai WPP yang tidak memohon pembiayaan pendidikan pada bulan kesembilan (9) dari tarikh waran WPP.
  - b) Ta'awid (denda) sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas baki yang belum dijelaskan bermula bulan kesembilan (9) daripada tarikh waran.

#### 1.3.2 Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan

- i) Bayaran balik pembiayaan pendidikan adalah bermula enam (6) bulan selepas tamat pengajian/ pembiayaan pendidikan.
- ii) Bagi tajaan 2003 dan ke bawah, penetapan tempoh bayaran balik pembiayaan pendidikan adalah mengikut peringkat pengajian pelajar seperti di Jadual 4:

Jadual 4 : Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN

Tahun Tajaan 2003 Dan Ke Bawah		
Bil.	Peringkat Pengajian	Tempoh Bayaran Balik
1.	Diploma IPTA/ Politeknik/ IPTS	120 Bulan (10 tahun)
2.	Ijazah IPTA (Sastera)	120 Bulan (10 tahun)
3.	Ijazah IPTA (Sains)	180 Bulan (15 tahun)
4.	Ijazah IPTS (Sastera)	180 Bulan (15 tahun)
5.	Ijazah IPTS (Sains)	240 Bulan (20 tahun)



iii) Mulai 1 Januari 2004, penetapan tempoh bayaran balik adalah berdasarkan jumlah pembiayaan pendidikan seperti di Jadual 5:

**Jadual 5 : Jumlah Dan Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN**  
Mulai 1 Januari 2004

Mulai 1 Januari 2004		
Bil.	Jumlah Pembiayaan Pendidikan	Tempoh Bayaran Balik
1.	RM10,000 dan ke bawah	60 Bulan (5 tahun)
2.	RM10,001 hingga RM22,000	120 Bulan (10 tahun)
3.	RM22,001 hingga RM50,000	180 Bulan (15 tahun)
4.	RM50,001 ke atas	240 Bulan (20 tahun)

iv) Tempoh bayaran balik bagi penerima biaya yang menerima penawaran pertukaran pinjaman dari 3% dan 5% setahun kepada pembiayaan pendidikan Ujrah 1% setahun adalah berdasarkan baki pinjaman pada tarikh kuat kuasa.

### 1.3.3 Kos Pentadbiran dan Ujrah/ Upah

**Jadual 6 : Pelaksanaan Kos Pentadbiran Dan Ujrah/ Upah**

Mulai 1 Januari 2004		
Bil.	Tarikh Kelulusan/ Kuat Kuasa	Kos Pentadbiran/ Upah
1.	Sebelum 1 Januari 2004	4% setahun atas baki berkurang
2.	Mulai 1 Januari 2004	3% setahun atas baki berkurang
3.	Mulai 1 Mac 2007 (kursus Sarjana, PhD dan Profesional sahaja)	5% setahun atas baki berkurang
4.	Mulai 1 Jun 2008	1% setahun atas kadar rata*

Nota :

\* Kaedah baru pembiayaan pendidikan dengan pengenaan Ujrah atau upah sebanyak 1% setahun atas kadar rata (flat rate) adalah bagi menggantikan kaedah pinjaman sedar ada yang mengenakan kos pentadbiran 3% dan 5% setahun atas baki berkurangan (reducing balance).

### 1.3.4 Kaedah Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan

**Jadual 7 : Kaedah Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan**

Bil.	Saluran	Agenzi/ Ejen
1.	Kaunter	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu Pejabat PTPTN</li> <li>• Pejabat PTPTN Negeri/ cawangan di seluruh negara</li> <li>• One Stop Center PTPTN, KL Sentral dan Putrajaya</li> <li>• Urban Transformation Centre (UTC) terpilih</li> <li>• Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)</li> <li>• Bank Islam</li> <li>• CIMB Bank</li> <li>• Bank Simpanan Nasional</li> <li>• Bank Rakyat</li> <li>• Pos Malaysia</li> </ul>

## AKTIVITI UTAMA

Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)

Bil.	Saluran	Agensi/ Ejen
2.	Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)</li> </ul>
3.	Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"> <li>• CIMB Bank (<a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a>)</li> <li>• Maybank (<a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>)</li> <li>• Public Bank (<a href="http://www.pwebbank.com">www.pwebbank.com</a>)</li> <li>• RHB Bank (<a href="http://www.rhb.com.my">www.rhb.com.my</a>)</li> <li>• Ambank (<a href="http://www.ambankgroup.com">www.ambankgroup.com</a>)</li> <li>• Pos Online (<a href="http://www.posonline.com.my">www.posonline.com.my</a>)</li> <li>• Bank Islam (<a href="http://www.bankislam.biz">www.bankislam.biz</a>)</li> <li>• Bank Rakyat (<a href="http://www.irakyat.com.my">www.irakyat.com.my</a>)</li> <li>• Bank Simpanan Nasional (<a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a>)</li> <li>• Agrobank (<a href="http://www.agronet.com.my">www.agronet.com.my</a>)</li> <li>• Affin Bank (<a href="http://www.affinonline.com">www.affinonline.com</a>)</li> </ul>
4.	Portal Rasmi PTPTN (e-FES) Melalui Financial Processing Exchange (FPX)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bank Islam</li> <li>• CIMB Bank</li> <li>• Public Bank</li> <li>• Maybank</li> <li>• Hong Leong Bank</li> <li>• RHB Bank</li> </ul>
5.	Pengeluaran Wang Melalui Akaun II (KWSP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)*</li> </ul>
6.	Electronic Data Capture (EDC) Terminal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad ATM atau Kad Debit bank-bank tempatan yang mempunyai logo MEPS</li> <li>• Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan</li> </ul>

Nota :

- \* Syarat-syarat pengeluaran wang melalui Akaun II (KWSP) adalah seperti berikut:
  - **Permohonan pengeluaran oleh Ahli:**
    - Bagi peringkat pengajian Ijazah dan Diploma : Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bagi 2 Januari 2001 dan ke atas.
  - **Permohonan pengeluaran oleh Ibu/ Bapa penerima biaya:**
    - Bagi peringkat pengajian Ijazah : Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bagi April 2000 dan ke atas.
    - Bagi peringkat pengajian Diploma : perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bagi 17 Januari 2006 dan ke atas.

### 1.3.5 Pengurusan Pertukaran Pinjaman Kepada Pembiayaan Pendidikan Berasaskan Syariah Islam (Ujrah/ Upah)

- i) Tarawan pertukaran pinjaman kepada pembiayaan berdasarkan syariah (Ujrah) telah dilaksanakan kepada peminjam sedia ada mulai 1 Ogos 2009. Tarawan pertukaran ini adalah layak diterima oleh peminjam-peminjam yang masih mempunyai baki pinjaman semasa pada tarikh permohonan dibuat kecuali bagi peminjam yang telah mendapat pengecualian bayaran balik kerana menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya. Maklumat lanjut berkaitan kaedah untuk mendapatkan tarawan pertukaran ini boleh diperolehi melalui Portal Rasmi PTPTN.



- ii) Syarat/ Peraturan
- Semua peminjam pinjaman konvensional termasuk peminjam yang telah dikenakan tindakan penguatuasaan adalah layak kecuali penerima Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) bukan peminjam.
  - Mana-mana peminjam yang mempunyai lebih daripada satu (1) data pinjaman konvensional, "Penggabungan Data Pinjaman" adalah WAJIB bagi melayakkan pertukaran kepada pembiayaan Ujrah.
  - Tarikh permohonan pertukaran seperti di Jadual 8:

Jadual 8 : Tarikh permohonan pertukaran kepada pembiayaan Ujrah

Perkara	1 Oktober - 31 Disember 2014	Mulai 1 Januari 2015
<b>Bayaran Pendahuluan</b>	TIADA sebarang pendahuluan ansuran bulanan dikenakan.	Bayaran satu (1) bulan ansuran mengikut anggaran Jadual Bayaran Balik (JBB) Ujrah dikenakan kepada peminjam.
<b>Kos Penguatuasaan dan Kos Pelbagai (Duti Setem, Insurans)</b>	TIADA bayaran diperlukan semasa permohonan. Tuntutan bayaran akan dilakukan secara berasingan kemudian.	Kos Penguatuasaan dan Kos Pelbagai MESTI diselesaikan terlebih dahulu sebelum permohonan diproses.
<b>Kaedah Permohonan</b>	Melalui kaunter PTPTN atau secara online.	Melalui kaunter PTPTN sahaja.

- iii) Tempoh bayaran balik adalah berdasarkan jumlah prinsipal Ujrah seperti di Jadual 9:

Bil.	Jumlah Pembiayaan Pendidikan	Tempoh Bayaran Balik Baharu
1.	Sehingga RM10,000	60 Bulan (5 tahun)
2.	Melebihi RM10,000 hingga RM22,000	120 Bulan (10 tahun)
3.	Melebihi RM22,000 hingga RM50,000	180 Bulan (15 tahun)
4.	Melebihi RM50,000	240 Bulan (20 tahun)

- iv) Tempoh sah laku perjanjian
- Peminjam perlu memulangkan semula dokumen perjanjian yang lengkap dan sempurna bersama setem hasil selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh surat tawaran pertukaran Ujrah.
  - Kegagalan berbuat demikian, peminjam dikehendaki membuat permohonan semula dengan jumlah prinsipal yang lebih tinggi berikutnya peningkatan kos pentadbiran.

### 1.3.6 Penangguhan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan

- Pembiayaan Ujrah sahaja.
- Permohonan penangguhan perlu dikemukakan kepada PTPTN. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- Kos upah dikenakan sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik.
- Borang permohonan boleh didapati di Portal Rasmi PTPTN.
- Tempoh penangguhan bayaran balik adalah mengikut kategori kelayakan dan kaedah permohonan adalah seperti di Jadual 10 dan di Jadual 11:

## AKTIVITI UTAMA

Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)

Jadual 10 : Tempoh Penangguhan Yang Dibenarkan Oleh PTPTN

Bil.	Kategori Kelayakan	Tempoh Penangguhan
1.	Telah menamatkan pengajian dan menyambung semula pengajian.	Sepanjang tempoh pengajian baru.
2.	Melanjutkan tempoh pengajian ( <i>Extend Semester</i> ).	Sepanjang tempoh pelanjutan yang dibenarkan oleh IPT.
3.	Menerima penaja lain.	Sepanjang tempoh pengajian.
4.	Berstatus gagal/ batal/ berhenti pengajian tetapi masih meneruskan pengajian di IPT lain.	Sepanjang tempoh pengajian baru.
5.	Tidak bekerja.	Maksimum 24 bulan (2 tahun) dari tarikh mula bayar balik asal.

Nota :

- i) Sekiranya penerima biaya ingin membatalkan penangguhan, bayaran balik boleh dirujuk kepada Jadual Bayaran Balik (JBB) asal.
- ii) Sekiranya penerima biaya yang telah diluluskan penangguhan dan ingin memendekkan tempoh penangguhan, bayaran balik boleh dirujuk kepada JBB asal.
- iii) Rayuan penangguhan kali seterusnya dibenarkan bagi penerima biaya yang masih belajar sahaja dan telah menerima notis selesa tamat penangguhan. Permohonan rayuan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan yang berkaitan.

Jadual 11 : Kaedah Permohonan Penangguhan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN

Bil.	Kaedah Permohonan
1.	Bagi permohonan penangguhan bayaran balik kerana <b>masih belajar</b> , penerima biaya perlu mengemukakan surat rasmi dan dokumen-dokumen seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"><li>(i) Surat permohonan rasmi penangguhan atau borang permohonan penangguhan yang boleh didapati di Portal Rasmi PTPTN; dan</li><li>(ii) Surat tawaran pengajian terkini; atau</li><li>(iii) Surat pengesahan daripada IPT menyatakan bila tarikh sebenar/ dijangka tamat pengajian sekiranya dalam surat tawaran tiada tempoh pengajian; atau</li><li>(iv) Surat pengesahan daripada IPT menyatakan bila tarikh sebenar/ dijangka tamat pengajian (sekiranya menambah tempoh pengajian); atau</li><li>(v) Surat tawaran penaja baru sekiranya melanjutkan pelajaran di luar negara.</li></ol>
2.	Bagi permohonan penangguhan bayaran balik kerana <b>belum bekerja</b> , penerima biaya perlu mengemukakan surat rasmi dan dokumen-dokumen seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"><li>(i) Surat rasmi memohon penangguhan atau borang permohonan penangguhan yang boleh didapati di Portal Rasmi PTPTN; dan</li><li>(ii) Surat sokongan dari Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang menyokong bahawa penerima biaya tidak bekerja; atau</li><li>(iii) Penyata KWSP terkini; atau</li><li>(iv) Surat pengesahan dari KWSP yang mengesahkan penerima biaya belum mencarum.</li></ol>

### 1.3.7 Pengecualian Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan Bagi Peminjam Yang Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama

- i) Penerima biaya mendapat kepujian kelas pertama bagi Ijazah Sarjana Muda atau setaraf dengannya.
- ii) Syarat-syarat kelulusan serta dokumen sokongan bagi pengecualian bayaran balik seperti di Jadual 12.

**Jadual 12 : Syarat Dan Kaedah Kelulusan Pengecualian Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN**

<b>Kelulusan Tajaan Pinjaman Pendidikan Sebelum 1 Julai 2005</b>	<b>Tamat Pengajian Sebelum Tahun 2010</b>	<b>Kelulusan Pinjaman mulai 1 Januari 2010</b>
<p>Terbuka kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS peringkat Ijazah Sarjana Muda yang mendapat keputusan Kepujian Kelas Pertama (bagi pelajar IPTS - terhad kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus yang mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA).</p> <p><b>Dokumen-dokumen yang perlu disertakan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat permohonan rasmi.</li> <li>• Salinan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf denganannya.</li> <li>• Salinan transkrip akademik.</li> <li>• Surat pengesahan Kelas Pertama (jika tidak dicatkan pada perkataan "Kelas Pertama" pada Ijazah).</li> <li>• Salinan Sijil Perakuan Akreditasi oleh MQA diperlukan jika kelulusan pemohon adalah daripada IPTS.</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Semua salinan dokumen dan surat pengesahan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Bahagian Akademik IPT berkenaan sahaja.</p>	<p>Pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf denganannya sebelum 1 Januari 2010 berdasarkan kelulusan senat dan memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikuti kursus secara sepenuh masa.</li> <li>• Berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam dokumen perjanjian pembiayaan pendidikan PTPTN.</li> <li>• Pembiayaan pendidikan PTPTN tidak bertindih dengan sebarang penajaan lain.</li> <li>• Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap kepada PTPTN dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh pengijazahan semasa konvokeysen.</li> <li>• Kursus yang diikuti oleh pelajar di IPTS telah memperolehi Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA.</li> </ul> <p><b>Dokumen-dokumen yang perlu disertakan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat permohonan rasmi.</li> <li>• Salinan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf denganannya yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT berkaitan.</li> <li>• Salinan transkrip keputusan peperiksaan yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT berkaitan.</li> <li>• Akuan Pelajar yang telah lengkap diisi (boleh dimuat turun di Portal Rasmi PTPTN).</li> <li>• Bagi pelajar IPTS, salinan Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA.</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Semua salinan dokumen dan surat pengesahan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Bahagian Akademik IPT berkenaan sahaja.</p>	<p>Pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf denganannya bermula 1 Januari 2010 berdasarkan kelulusan senat dan memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikuti kursus secara sepenuh masa.</li> <li>• Berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam dokumen perjanjian pembiayaan pendidikan PTPTN.</li> <li>• Pembiayaan pendidikan PTPTN tidak bertindih dengan sebarang penajaan lain.</li> <li>• Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap kepada PTPTN dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh pengijazahan semasa konvokeysen.</li> <li>• Kursus yang diikuti oleh pelajar di IPTS telah memperolehi Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA.</li> </ul> <p><b>Dokumen-dokumen yang perlu disertakan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat permohonan rasmi.</li> <li>• Salinan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf denganannya yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT berkaitan.</li> <li>• Salinan transkrip keputusan peperiksaan yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT berkaitan.</li> <li>• Akuan Pelajar yang telah lengkap diisi (boleh dimuat turun di Portal Rasmi PTPTN).</li> <li>• Bagi pelajar IPTS, salinan Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA.</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Semua salinan dokumen dan surat pengesahan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Bahagian Akademik IPT berkenaan sahaja.</p>

# AKTIVITI UTAMA

Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)

- iii) Pelajar-pelajar yang menerima penajaan lain dan bertindih dengan pembiayaan pendidikan PTPTN, menukar jurusan, peringkat pengajian dan IPT tanpa kelulusan PTPTN atau melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan dalam perjanjian pembiayaan pendidikan PTPTN, tidak akan dipertimbangkan untuk kemudahan ini.
- iv) Pelajar perlu membuat bayaran balik sepetimana yang ditetapkan sehingga permohonan pengecualian bayaran balik diluluskan. Bagi mana-mana pelajar yang diluluskan dan telah membuat bayaran balik pembiayaan pendidikan secara penuh/ sebahagian, PTPTN akan membuat pemulangan kepada pelajar tersebut setelah ditolak apa-apa kos yang berkaitan (jika ada).

## 1.3.8 Penjadualan/ Penstrukturkan Semula Pembiayaan Pendidikan

- i) Syarat-syarat dan garis panduan permohonan penjadualan/ penstrukturkan semula pembiayaan pendidikan adalah seperti di Jadual 13:

**Jadual 13 : Syarat Dan Garis Panduan Penjadualan/ Penstrukturkan Semula Pembiayaan Pendidikan PTPTN**

Bil.	Perkara	Penjadualan	Penstrukturkan
1.	Kategori Pembiayaan	Ujrah sahaja.	
2.	Status pembiayaan	Terpakai bagi semua status pembiayaan termasuk batal pembiayaan (B)/ gagal pengajian (G)/ berhenti pengajian (K)/ mempunyai penaja lain (S) dan tamat pengajian/ pembiayaan (T).	
3.	Yuran Pemprosesan	Kali pertama : dikecualikan Kali kedua : RM50; Kali ketiga : RM100; Kali keempat : RM150 Kali kelima dan seterusnya : RM200	Kali pertama : dikecualikan Kali kedua : RM50; Kali ketiga : RM100; Kali keempat : RM150 Kali kelima dan seterusnya : RM200  Tambahkan: i. Upah bagi tambahan tempoh bayaran balik pembiayaan pendidikan; ii. Perlindungan Takaful baru; dan iii. Duti Setem.  * Perlu menjelaskan kos pelbagai (jika ada) terlebih dahulu seperti kos penguatkuasaan, WPP (sekiranya tidak dijelaskan akan dikira sebagai prinsipal baru), hutang duti setem, hutang takaful dan yuran pemprosesan.
4.	Tunggakan Bayaran	Ya.	Ya dan/ atau tidak mampu bayar mengikut JBB yang ditetapkan.



Bil.	Perkara	Penjadualan	Penstrukturran
5.	<b>Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan</b>	Berdasarkan baki tempoh pembiayaan asal.	Had umur maksimum bagi penentuan tempoh bayaran balik penstrukturran semula pembiayaan adalah sehingga 60 tahun.
6.	<b>Dokumen Penawaran</b>	Surat Makluman Kelulusan akan dikeluarkan.	Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian Penstrukturran Semula akan dikeluarkan.
7.	<b>Ansuran Bulanan</b>	Berdasarkan baki tempoh jadual bayaran balik sedia ada.	Ansuran bulanan minimum adalah berdasarkan penentuan 5% - 8% daripada jumlah pendapatan bersih, tertakluk kepada kelayakan tempoh bayaran balik (sehingga umur 60 tahun). Walau bagaimanapun, jumlah minimum ansuran bulanan tersebut adalah tertakluk kepada persetujuan PTPTN.

- ii) Kaedah permohonan penjadualan/ penstrukturran semula pembiayaan pendidikan adalah seperti berikut:
- Menggunakan Borang Permohonan Penjadualan/ Penstrukturran Semula Bayaran Balik Pembiayaan yang boleh diperolehi melalui Portal Rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my); dan
  - Setiap permohonan hendaklah disertakan bersama salinan slip gaji terkini/ penyata pendapatan/ salinan penyata KWSP; dan
  - Bagi yang tidak bekerja/ bekerja sendiri (tiada salinan slip gaji terkini/ penyata pendapatan/ salinan penyata KWSP), pemohon hendaklah melengkapkan Borang Pengesahan Pendapatan yang boleh didapati di Portal Rasmi PTPTN, [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

#### 1.3.9 Tindakan Penguatkuasaan (Saman Dan Senarai Hitam)

##### i) Pendakwaan/ Saman

Penerima biaya yang ingkar terhadap Notis Tuntutan/ *Notice Of Demand* (NOD) akan dikenakan tindakan saman. Kos pendakwaan yang dikenakan adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh Mahkamah Rendah 1980 dan kesemua kos guaman tersebut akan ditanggung oleh penerima biaya.

##### ii) Senarai Hitam Peminjam

Tindakan penguatkuasaan senarai hitam merupakan langkah menghalang penerima biaya daripada ke luar negara dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Selain itu, penerima biaya juga tidak dapat memohon atau memperbaharui pasport. Tindakan ini diambil serentak dengan arahan NOD.

- Tindakan saman/ senarai hitam merupakan langkah terakhir yang diambil oleh PTPTN ke atas penerima biaya yang dikategorikan sebagai peminjam tegar.

# AKTIVITI UTAMA

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i)



## 1.4 SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN-i)

SSPN-i adalah merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. SSPN-i adalah berlandaskan syariah menggunakan konsep 'Wakalah Bil Istithmar'.

### 1.4.1 Syarat-Syarat Pembukaan Akaun

SSPN-i adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i) Ibu/ bapa/ penjaga/ individu yang ingin menjadi pendeposit<sup>1</sup> dan/ atau penerima manfaat<sup>2</sup> kepada akaun SSPN-i hendaklah warganegara Malaysia;
  - ii) Pendeposit boleh juga membuka akaun untuk dirinya sendiri;
  - iii) Setiap pendeposit hanya boleh membuka satu akaun untuk setiap penerima manfaat yang sama;
  - iv) Penerima manfaat mestilah berumur antara 1 hari sehingga sebelum mencapai umur 29 tahun;
  - v) Penerima manfaat yang telah mempunyai akaun yang dibuka oleh seseorang pendeposit boleh membuka akaun bagi dirinya sendiri atau membuka akaun untuk warganegara Malaysia yang lain. Ini bermakna seorang penerima manfaat pada masa yang sama boleh menjadi pendeposit; dan
  - vi) Pendeposit yang berbeza boleh membuka akaun SSPN-i bagi penerima manfaat yang sama dan tiada had bilangan akaun bagi setiap penerima.
- 1 Pendeposit adalah seseorang yang merupakan warganegara Malaysia yang mencapai umur 18 tahun dan ke atas yang membuka akaun SSPN-i untuk dirinya sendiri atau membuka akaun untuk mana-mana warganegara Malaysia yang lain yang belum mencapai umur 29 tahun.
  - 2 Penerima manfaat adalah seseorang yang merupakan warganegara Malaysia yang akaunnya dibuka oleh pendeposit. Bagi pembukaan akaun diri sendiri, penerima manfaat adalah pendeposit.

### 1.4.2 Kategori Had Umur Bagi Tujuan Pembukaan Akaun

Terdapat 3 kategori had umur bagi tujuan pembukaan akaun SSPN-i iaitu:

#### i) Kategori 1 :

Akaun dibuka oleh ibu bapa/ penjaga atau warganegara Malaysia yang lain untuk mana-mana warganegara Malaysia sebelum mencapai umur 29 tahun.

#### ii) Kategori 2 :

Warganegara yang berumur 18 tahun ke atas mempunyai pilihan sama ada untuk mengekalkannya atau membuka akaun diri sendiri.

#### iii) Kategori 3 :

Warganegara yang berumur 29 tahun ke atas, perlu membuka akaun diri sendiri.

### 1.4.3 Pembukaan Akaun

- i) Mulai 1 Januari 2012, para pelajar yang ingin memohon pembiayaan pendidikan PTPTN adalah diwajibkan untuk mempunyai akaun SSPN-i dengan simpanan minimum sebanyak RM20.00.
- ii) Semua pembukaan akaun dan terima deposit SSPN-i boleh dilakukan di kaunter PTPTN dan ejen SSPN-i di seluruh negara.
- iii) Dokumen yang perlu disertakan semasa membuka akaun ialah:
  - (a) Salinan MyKad/ Kad Tentera/ Kad Polis pemohon.
  - (b) Salinan Sijil Kelahiran/ MyKid/ MyKad anak.
  - (c) Surat Akuana Berkutan/ Sijil Anak Angkat (bagi ibu bapa yang ingin membuka akaun bagi anak angkat di bawah jagaan sah mereka).

**Nota:**

Semua penerima manfaat akan diberikan Kad SSPN-i atau apa-apa bentuk penentusan keahlian SSPN-i.



#### 1.4.4 Ciri-Ciri Dan Keistimewaan

- Layak memohon Pembiayaan Pendidikan PTPTN.
- Pelepasan taksiran cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM6,000.00 setahun.
- Perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000.00 dan ke atas.
- Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000.00 untuk satu keluarga yang layak.
- Simpanan serendah RM20 pada bila-bila masa dan dijamin oleh Kerajaan.
- Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- Kemudahan menyimpan di cawangan PTPTN dan lebih 3,000 cawangan ejen SSPN-i.

#### A. Pelepasan Taksiran Cukai

Pelepasan cukai pendapatan ke atas simpanan bersih dalam SSPN-i adalah seperti berikut:

- Ibu bapa dan ibu bapa angkat/penjaga yang sah dari segi undang-undang yang menyimpan dalam akaun SSPN-i untuk manfaat anak diberi pelepasan sehingga maksimum RM6,000.00 setahun tertakluk kepada jumlah simpanan bersih tahun semasa.
- Ibu bapa yang membuat taksiran berasingan dan telah membuka akaun simpanan SSPN-i berasingan atas anak yang sama diberikan pelepasan sehingga maksimum RM6,000.00 seorang setahun.
- Ibu bapa yang membuat taksiran bersama dan telah membuka akaun simpanan SSPN-i berasingan diberi pelepasan sehingga maksimum RM6,000.00 setahun.
- Individu yang menyimpan untuk diri sendiri tidak diberi pelepasan taksiran cukai.

#### B. Perlindungan Takaful

Manfaat perlindungan takaful dan bayaran khairat kematian disediakan secara percuma kepada semua pendeposit yang layak dan tertakluk kepada Peraturan Perlindungan Takaful Berkelompok PTPTN.

- Pembayaran premium dan perlindungan:
  - Premium dibayar oleh PTPTN.
    - Perlindungan RM ke RM (*Dollar to Dollar*) (takaful am\*) dan RM100,000.00 (takaful amanah\*\*).
    - Khairat kematian untuk pendeposit (RM2,000.00) dan penerima manfaat (RM500.00).

*Nota:*

\* **Takaful Am** - Akaun SSPN-i yang dibuka oleh ibu bapa/ penjaga/ mana-mana warganegara Malaysia untuk mana-mana warganegara Malaysia yang lain/ diri sendiri.

\*\* **Takaful Amanah** - penerima manfaat adalah anak yatim yang tinggal di rumah anak yatim dan akaun SSPN-i dibuka oleh pengetua/ wakil pengurusan rumah anak yatim tersebut.

#### ii) Syarat:

- Had umur pendeposit 18 tahun hingga 65\* tahun.
- Had umur penerima manfaat 1 hari hingga 28\* tahun.
- Pendeposit mempunyai baki akaun sekurang-kurangnya RM1,000.00 pada setiap masa.

*Nota:*

\* adalah layak sebelum tarikh ulang tahun kelfahiran.

# AKTIVITI UTAMA

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) sambungan



## C. Geran Sepadan

Geran Sepadan adalah insentif kewangan yang ditawarkan kepada pendeposit (ibu bapa atau penjaga yang sah dari segi undang-undang). Mulai 1 Januari 2015, pendeposit yang mempunyai pendapatan bulanan keluarga (gaji pokok) tidak melebihi RM4,000.00 sebulan layak dipertimbangkan pemberian Geran Sepadan mengikut syarat-syarat seperti berikut:

- i) Kelayakan pemberian Geran Sepadan:
  - (a) Jumlah keseluruhan Geran Sepadan yang akan diberikan kepada setiap pendeposit yang layak adalah tidak melebihi RM10,000.00 satu keluarga.
  - (b) Pendeposit mempunyai pendapatan bulanan keluarga (gaji pokok) tidak melebihi RM4,000.00.
  - (c) Penerima manfaat (anak) diterima dan mendaftar masuk ke mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh Kerajaan pada peringkat sijil, foundation, matrikulasi, diploma dan ke atas adalah layak untuk dipertimbangkan pemberian geran sepadan.
  - (d) Penerima manfaat hendaklah belum mencapai umur 29 tahun semasa permohonan pengeluaran Geran Sepadan.
  - (e) Tuntutan Geran Sepadan mestilah dibuat dalam tempoh pengajian manfaat.

### 1.4.5 Kaedah Simpanan SSPN-i

Jadual 14 : Kaedah Simpanan SSPN-i

Bil.	Saluran	Agensi/ Ejen
1.	Kaunter	<ul style="list-style-type: none"><li>• PTPTN</li><li>• Maybank</li><li>• Bank Islam</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li><li>• CIMB Bank</li><li>• Agrobank</li><li>• Bank Rakyat</li><li>• RHB Bank</li></ul>
2.	Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kakitangan Awam:<ul style="list-style-type: none"><li>- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)</li><li>- Perbadanan Negeri</li><li>- Badan Berkanun</li><li>- Pihak Berkuasa Tempatan</li></ul></li><li>• Kakitangan Swasta:<ul style="list-style-type: none"><li>- Persetujuan majikan masing-masing</li></ul></li></ul>



3.	Portal Rasmi PTPTN (e-SSPN-i) Melalui <i>Financial Processing Exchange</i> (FPX)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maybank</li> <li>• CIMB Bank</li> <li>• Bank Islam</li> <li>• Hong Leong Bank</li> <li>• Public Bank</li> </ul>
4.	Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maybank (<a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>)</li> <li>• CIMB Bank (<a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a>)</li> <li>• Bank Simpanan Nasional (<a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a>)</li> </ul>
5.	<i>Automated Teller Machine</i> (ATM) dan <i>Cash Deposit Machine</i> (CDM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maybank</li> <li>• Bank Simpanan Nasional</li> </ul>
6.	Arahan Tetap	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maybank</li> <li>• Bank Simpanan Nasional</li> </ul>
7.	<i>Phone Banking</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maybank</li> </ul>
8.	<i>Autodebit</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agrobank</li> </ul>
9.	<i>Terminal One Pay</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 400 outlet (senarai outlet, rujuk Portal Rasmi PTPTN di <a href="http://www.ptptn.gov.my">www.ptptn.gov.my</a>)</li> </ul>
10.	<i>Electronic Data Capture</i> (EDC) Terminal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaunter Pejabat PTPTN Negeri seluruh negara. Kemudahan ini membolehkan penggunaan Kad ATM atau Kad Debit bank-bank tempatan yang mempunyai logo MEPS.</li> </ul>

#### 1.4.6 Penyata Akaun SSPN-i Dan Penyata Ringkasan Pelepasan Cukai

Penyata Akaun SSPN-i dan Penyata Ringkasan Pelepasan Cukai boleh disemak atau dicetak melalui Portal Rasmi PTPTN.

#### 1.4.7 Pengeluaran Deposit Dan Penutupan Akaun

Pendeposit boleh membuat pengeluaran deposit/ penutupan akaun pada bila-bila masa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa.

# SMS



# 2

## KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS)

- Pembelian Nombor PTPTN  
Bagi Tujuan Permohonan  
Pembiayaan Pendidikan PTPTN  
Secara Dalam Talian
- Senarai Semakan Maklumat  
Melalui SMS.



INFO PTPTN

# KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS)



## 2. KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS)

- 2.1 Pembelian Nombor PTPTN Bagi Tujuan Permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN Secara Dalam Talian
- i) SMS Banking ini terbuka kepada pelanggan BSN yang memegang akaun persendirian GIRO/ GIROi.
  - ii) Pendaftaran SMS Banking boleh dilakukan melalui 3 saluran iaitu:
    - (a) Kaunter BSN.
    - (b) Mesin Juruwang Automatik (ATM).
    - (c) Mesin Deposit Tunai (CDM).

### 2.1.1 Pendaftaran Di ATM/ CDM

Langkah-langkah pendaftaran aplikasi SMS adalah seperti berikut:

- a) Pilih ‘Bahasa’.
- b) Masukkan Nombor PTPTN.
- c) Pilih ‘Urusan Lain’.
- d) Pilih ‘Perbankan SMS’.
- e) Pilih ‘Pendaftaran’.
- f) Masukkan nombor telefon bimbit.
- g) ‘Urusan Telah Berjaya’.
- h) Slip dikeluarkan bersama cetakan 4 digit UAC.
- i) SMS pendaftaran berjaya akan diterima (6 digit M-PIN + 2 digit UAC).

### 2.1.2 Format SMS

- (a) Format pengaktifan:

ACT<jarak>M-PIN<jarak><4 digit UAC>XX

**Contoh : ACT 111222 123499 hantar ke 36898**

*Nota :*

*XX adalah 2 digit UAC yang akan dihantar dalam SMS pertama.*

- (b) Format pembelian nombor PTPTN:

PIN<jarak>M-PIN<jarak>PTPTN<jarak>KP

**Contoh : PIN 123456 PTPTN 700519085801 hantar ke 36898**

- (c) Format pengesahan:

**CONFIRM 1234 atau CANCEL 5678 hantar ke 36898**



## 2.2 SENARAI SEMAKAN MAKLUUMAT MELALUI SMS

### 2.2.1 mySMS

Kemudahan semakan baki pembiayaan, WPP, baki SSPN-i dan kelayakan pelepasan cukai dengan menghantar SMS ke 15888.

- Semakan baki Pembiayaan Ujrah dan Pinjaman Konvensional:  
PTPTN<jarak>BAKI<jarak>[No.KP]<jarak>[No.Pin]
- Semakan Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)  
PTPTN<jarak>WPP<jarak>[No.KP]
- Semakan baki simpanan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i)  
PTPTN<jarak>SSPN<jarak>[No.Akaun]
- Semakan kelayakan pelepasan cukai SSPN-i  
PTPTN<jarak>SSPN<jarak>CUKAI<jarak>[No.KP]

**Nota :**

Setiap SMS perlu dihantar ke 15888 dan akan dikenakan caj RM0.35 sen bagi setiap SMS.

### 2.2.2 myUSSD

Pelanggan boleh melakukan semakan Pembiayaan Ujrah, Pinjaman Konvensional, WPP dan baki SSPN-i dengan menaip \*158#.

Menu	Keterangan
Pembiayaan Ujrah	Semak Baki Ujrah Semak Status Bayaran Ujrah Semak Baki Tunggakan Ujrah Semak Status Ujrah
Pinjaman Konvensional	Semak Baki Ujrah Semak Status Bayaran Konvensional
Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)	Semak Wang Pendahuluan Pembiayaan
Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i)	Semak Baki Simpanan SSPN-i

**Nota :**

Setiap transaksi akan dikenakan caj RM0.35 sen untuk satu sesi selama dua minit. Maklumat lanjut di Portal Rasmi Perkhidmatan Mudah Alih Kerajaan Malaysia [www.mygovmobile.malaysia.gov.my](http://www.mygovmobile.malaysia.gov.my)



# 3

## SOALAN LAZIM



INFO PTPTN



# **SOALAN LAZIM**

Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)



## **3. SOALAN LAZIM**

### **A. WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)**

Soalan 1 :

**Saya telah menerima surat tawaran kemasukan ke IPT, tetapi saya tidak bercadang untuk belajar di IPT tersebut. Bolehkah saya menunaikan WPP yang ditawarkan?**

Jawapan :

Sekiranya anda menolak tawaran ke IPT, WPP tidak perlu ditunaikan. Tetapi jika WPP tersebut telah ditunaikan, anda dikehendaki membayar balik jumlah tersebut dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tamat waran.

Soalan 2 :

**Adakah WPP diberi secara percuma?**

Jawapan :

WPP merupakan sebahagian daripada pembiayaan yang diberikan lebih awal sebelum pelajar mendaftar masuk ke IPT. Pemotongan sebanyak RM500.00 akan dibuat secara automatik selama tiga semester ke hadapan sebaik sahaja menerima pembiayaan.

Soalan 3 :

**Bagaimanakah cara untuk saya menunaikan WPP?**

Jawapan :

Anda perlu hadir di mana-mana kaunter CIMB Bank dengan membawa bersama MyKad dan waran WPP.

Soalan 4 :

**Bagaimanakah saya boleh mendapatkan WPP?**

Jawapan :

Pelajar perlu membuat persetujuan menerima WPP melalui saluran yang ditetapkan oleh PTPTN semasa permohonan kemasukan ke IPT iaitu samada melalui Portal UPU atau Portal IPT.



## B. SKIM PEMBIAYAAN PENDIDIKAN (SPP)

### (I) PERMOHONAN

Soalan 1 :

**Apakah syarat kelayakan permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN?**

Jawapan :

Syarat-syarat permohonan pembiayaan pendidikan adalah seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
3. Mendapat tawaran ke IPTA/ IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
4. Kursus yang diikuti oleh pelajar IPTA/ IPTS dan Politeknik mestilah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan berdaftar dengan PTPTN;\*
5. Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan masih di dalam tempoh sah laku semasa tarikh memohon;
6. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan berbeza, pengesahan perlu diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan di atas;
7. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
8. Tiada penaja lain; dan
9. Telah membuka akaun SSPN-i\*\*.

\* Hanya kursus yang diluluskan tajaan PTPTN akan didaftarkan dan disenaraikan dalam Portal Permohonan Online PTPTN. Pihak IPT perlu membuat permohonan kepada PTPTN sekiranya ingin mendapatkan tajaan pembiayaan PTPTN.

\*\* Hanya akaun SSPN-i yang mempunyai 15 digit sahaja yang boleh membuat permohonan PTPTN. Sila hubungi cawangan PTPTN berhampiran untuk menyemak nombor akaun SSPN-i 15 digit.

Soalan 2 :

**Saya telah menamatkan pengajian peringkat Ijazah Pertama dengan mendapat pembiayaan pendidikan PTPTN. Sekiranya saya ingin mengikuti pengajian dalam bidang lain di peringkat Diploma, bolehkah saya memohon pembiayaan pendidikan PTPTN?**

Jawapan :

Tidak boleh. Pembiayaan pendidikan kali kedua hanya akan dipertimbangkan kepada pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dan meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

# SOALAN LAZIM

Skim Pembiayaan Pendidikan (SPP) (sambungan)



Soalan 3 :

**Saya telah berhenti/ gagal pengajian di IPT dan ingin menyambung semula pengajian pada peringkat yang sama. Adakah saya masih boleh memohon pembiayaan pendidikan PTPTN?**

Jawapan :

Boleh. Dengan syarat anda telah menyelesaikan sepenuhnya jumlah pembiayaan pendidikan yang telah diterima sebelum ini (jumlah pembiayaan pendidikan adalah tertakluk kepada pengesahan daripada PTPTN).

Soalan 4 :

**Saya telah berhenti/ gagal pengajian di IPT dan telah menyambung semula pengajian pada peringkat yang sama tanpa pembiayaan pendidikan PTPTN sehingga tamat pengajian. Adakah saya perlu menjelaskan terlebih dahulu pinjaman terdahulu sekiranya ingin menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi?**

Jawapan :

Bagi kategori pelajar yang berhenti/ gagal pengajian di IPT, pembiayaan pendidikan kali kedua akan diluluskan sekiranya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi walaupun tanpa membuat penyelesaian penuh hutang terdahulu.

Soalan 5 :

**Saya ingin mengikuti pengajian pada peringkat Sarjana/ Doktor Falsafah (PhD)/ Kursus Profesional di IPTS, bolehkah saya memohon pembiayaan pendidikan PTPTN?**

Jawapan :

Tidak boleh. PTPTN hanya memperluaskan skop penajaan pembiayaan pendidikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian pada peringkat Sarjana/ Doktor Falsafah (PhD)/ Kursus Profesional di IPTA sahaja.

Soalan 6 :

**Saya ditawarkan mengikuti pengajian peringkat separuh masa/ PJJ/ ePJJ di IPT tempatan. Adakah saya layak mendapat pembiayaan pendidikan PTPTN?**

Jawapan :

Ya, anda layak memohon sekiranya mengikuti pengajian separuh masa di IPTA dan Politeknik. Untuk pelajar IPTS, hanya dibenarkan jika anda mengikuti pengajian di:

- i. Universiti Terbuka Malaysia (OUM)
- ii. Universiti Terbuka Wawasan
- iii. Asia E Universiti
- v. Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
- iv. Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR)



Soalan 7 :

Saya ditawarkan mengikuti pengajian '*foundation*' di IPTS. Adakah saya layak membuat permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN?

Jawapan :

- Ya, jika anda mengikuti pengajian di:
- Universiti Multimedia (MMU)
  - Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
  - Universiti Teknologi Petronas (UTP)
  - Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
  - Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR)

---

Soalan 8 :

Bolehkah saya memohon pembiayaan pendidikan PTPTN bagi program 2+1 (*twinning program*) yang dijalankan secara usaha sama dengan IPT luar negara? Program pengajian ini dijalankan selama 2 tahun di dalam negara dan 1 tahun di luar negara.

Jawapan :

Boleh. Walau bagaimanapun, PTPTN hanya memberi pembiayaan pendidikan bagi tempoh pengajian yang diikuti dalam negara sahaja.

---

Soalan 9 :

Saya sedang belajar di semester kedua dan ingin memohon pembiayaan pendidikan PTPTN. Bolehkah saya mendapat pembiayaan bermula semester pertama?

Jawapan :

Tidak boleh. Tempoh pembiayaan pendidikan diluluskan adalah berdasarkan semester semasa permohonan dibuat. Sekiranya anda memohon pada semester kedua, pembiayaan pendidikan akan diluluskan mulai semester kedua hingga tamat tempoh pengajian lazim anda.

---

# **SOALAN LAZIM**

Skim Pembiayaan Pendidikan (SPP) (sambungan)



## **(II) TAWARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN**

Soalan 1 :

**Saya telah mencetak dokumen tawaran. Dimana dan bilakah saya perlu menghantar dokumen tersebut?**

Jawapan :

Serahan dokumen tawaran hendaklah dibuat di IPT masing-masing berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan oleh IPT.

Soalan 2 :

**Saya telah terlepas sesi semakan dan serahan dokumen tawaran perjanjian di IPT. Bagaimana untuk menghantar dokumen tersebut?**

Jawapan :

Sila rujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPT masing-masing atau hadir di mana-mana Pejabat PTPTN Negeri berdekatan.

Soalan 3 :

**Apakah syarat-syarat permohonan pembiayaan kali kedua?**

Jawapan :

Permohonan pembiayaan kali kedua hanya akan dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Penerima biaya yang telah membatalkan pembiayaan, gagal pengajian atau berhenti pengajian bagi pembiayaan terdahulu:
  - Kelulusan hanya diberikan kepada penerima biaya yang melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi daripada pembiayaan terdahulu sahaja;
- ii. Permohonan kali kedua bagi pelajar yang menyambung pengajian di peringkat yang sama atau lebih rendah daripada pembiayaan terdahulu akan dipertimbangkan sekiranya pelajar telah menyelesaikan keseluruhan pembiayaan terdahulu.



### (III) PENGELOUARAN & PEMBERHENTIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Soalan 1 :

**Setelah dokumen yang lengkap diserahkan kepada pihak PTPTN, berapa lamakah masa yang diambil untuk pengeluaran pembiayaan pendidikan kali pertama?**

Jawapan :

Sekiranya semua dokumen tawaran dan perjanjian yang diperlukan telah lengkap diisi, pengeluaran kali pertama akan dilakukan dalam tempoh 21 hari bekerja daripada tarikh penerimaan dokumen. Pengeluaran pembiayaan pendidikan yang telah diluluskan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pelajar.

Soalan 2 :

**Adakah keseluruhan jumlah pembiayaan pendidikan dikreditkan ke dalam akaun saya?**

Jawapan :

Tidak. Pelajar akan menerima jumlah pembiayaan pendidikan yang telah dibuat potongan perlindungan takaful dan WPP.

Soalan 3 :

**Bagaimanakah pengeluaran pembiayaan pendidikan bagi semester berikutnya?**

Jawapan :

Pengeluaran pembiayaan bagi semester berikutnya adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

1. Masih aktif meneruskan pengajian pada peringkat, jurusan dan IPT yang diluluskan;
2. Lulus peperiksaan pada semester sebelumnya dengan keputusan Purata nilai Gred (PNG)/ Gred Point Average (GPA) 2.0 ke atas; dan
3. Tidak menerima penajaan lain.

Soalan 4 :

**Bilakah tarikh pembiayaan pendidikan dikeluarkan kepada pelajar pada setiap semester?**

Jawapan :

Pengeluaran pembiayaan pendidikan akan dikeluarkan kepada pelajar dalam tempoh dua (2) minggu selepas pelajar mendaftar tertakluk kepada pengesahan daripada IPT.

Soalan 5 :

**Adakah saya akan mendapat semula pembiayaan pendidikan yang telah ditahan disebabkan saya memperolehi PNG di bawah 2.0?**

Jawapan :

Tidak.

## **SOALAN LAZIM**

Skim Pembiayaan Pendidikan (SPP) (sambungan)



Soalan 6 :

**Adakah saya layak mendapatkan baki pembiayaan pendidikan jika berjaya menamatkan pengajian lebih awal daripada tempoh pengajian sebenar?**

Jawapan :

Tidak layak. Tunggakan tidak akan dibayar sekiranya pembiayaan pendidikan ditahan disebabkan PNG/ GPA di bawah 2.0. Walau bagaimanapun, PTPTN akan menuntut bayaran balik bagi jumlah pembiayaan pendidikan yang telah diterima oleh pelajar sahaja.

Soalan 7 :

**Adakah saya layak mendapatkan baki pembiayaan pendidikan jika berjaya menamatkan pengajian lebih awal daripada tempoh pengajian sebenar?**

Jawapan :

Tidak layak. Pengeluaran pembiayaan pendidikan akan dikeluarkan setakat tempoh anda berjaya menamatkan pengajian samada lebih awal atau mengikut tempoh pengajian lazim. Bayaran balik pembiayaan adalah berdasarkan jumlah pembiayaan yang diterima termasuk upah yang dikenakan.

Soalan 8 :

**Bolehkah pembiayaan pendidikan dibayar ke akaun waris pelajar?**

Jawapan :

Tidak boleh. Pengeluaran pembiayaan pendidikan dikreditkan terus ke akaun persendirian pelajar sahaja.

Soalan 9 :

**Bolehkah saya menerima pembiayaan pendidikan PTPTN dan pada waktu yang sama juga menerima tajaan daripada penaja lain?**

Jawapan :

Penajaan bertindih hanya dibenarkan kepada penerima biaya yang menerima bantuan kewangan secara one-off atau yang diuruskan oleh agensi swasta sahaja.

### **(IV) PERJANJIAN**

Soalan 1 :

**Bagaimanakah caranya untuk saya memaklumkan mengenai perubahan alamat dan butiran diri saya?**

Jawapan :

Pengemaskinian maklumat butiran diri boleh dibuat melalui pengisian Borang Perubahan Maklumat yang boleh didapati di kaunter PTPTN/ Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPT masing-masing/ Portal Rasmi PTPTN atau menulis surat rasmi ke PTPTN.



Soalan 2 :

**Bagaimanakah caranya untuk saya mendapatkan salinan dokumen perjanjian?**

Jawapan :

Anda perlu mengisi Borang Permohonan Semula Salinan Dokumen Perjanjian Pembiayaan PTPTN di Portal Rasmi PTPTN serta mengepilkhan bersama wang pos atau bank draf bernilai RM90.00 dan hantarkan kepada PTPTN. Pihak PTPTN mengambil masa 7 hari bekerja untuk memproses permohonan tersebut dan mengemukakan semula kepada pelajar menerusi POS LAJU.

---

Soalan 3 :

**Bagaimanakah cara untuk saya menuntut salinan dokumen perjanjian. Saya belum lagi menerima salinan dokumen perjanjian. Berkemungkinan surat saya dikembalikan ke pejabat PTPTN kerana saya telah berpindah?**

Jawapan :

Anda perlu mengemukakan Borang Permohonan Dokumen Perjanjian Pembiayaan (Asal) Yang Tidak Dituntut yang boleh didapati di Portal Rasmi PTPTN bersama-sama sampul Pos Ekspres berasiz A4 dengan menulis nama dan alamat sendiri serta poskan ke PTPTN.

---

Soalan 4 :

**Sekiranya saya tidak dapat menuntut salinan dokumen perjanjian di PTPTN, bolehkah saya mewakilkan orang lain untuk menuntut dokumen tersebut?**

Jawapan :

PTPTN membernarkan ibu bapa atau adik-beradik untuk menuntut dokumen tersebut bagi pihak anda. Sekiranya wakil selain daripada tersebut di atas, anda mestilah menulis surat rasmi dengan menyatakan nama dan nombor kad pengenalan wakil atau mengisi Borang Permohonan Dokumen Perjanjian Pembiayaan (Asal) Yang Tidak Dituntut di Portal Rasmi PTPTN dan tandatangan anda pada borang tersebut mestilah sama dengan tandatangan dokumen perjanjian semasa anda memohon dahulu.

---

Soalan 5 :

**Sebelum saya menandatangani dokumen tawaran, saya dapati terdapat perbezaan maklumat pengajian yang saya ikuti pada surat tawaran pembiayaan pendidikan. Bolehkah saya meminda surat tawaran tersebut?**

Jawapan :

Tidak boleh. Semua maklumat yang dicetak dalam dokumen tawaran pembiayaan pendidikan adalah berdasarkan pengisian permohonan oleh pelajar. Sebarang pindaan tidak dibenarkan dibuat ke atas surat tawaran pembiayaan pendidikan PTPTN. Manakala, bagi pindaan yang melibatkan maklumat pengajian, anda perlu menolak tawaran berkenaan dan mengemukakan semula permohonan baru.

---

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan



## C. PENGUATKUASAAN DAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

### (I) BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Soalan 1 :

**Bagaimanakah caranya untuk membayar balik pembiayaan pendidikan PTPTN?**

Jawapan :

Kaedah-kaedah bayaran balik pembiayaan pendidikan seperti di Jadual 13:

Jadual 13 : Kaedah Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN

Bil.	Saluran	Agensi/ Ejen
1.	Kaunter	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ibu Pejabat PTPTN</li><li>• Pejabat PTPTN Negeri/ cawangan di seluruh negara</li><li>• One Stop Center PTPTN, KL Sentral dan Putrajaya</li><li>• Urban Transformation Centre (UTC) terpilih</li><li>• Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)</li><li>• Bank Islam</li><li>• CIMB Bank</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li><li>• Bank Rakyat</li><li>• Pos Malaysia</li></ul>
2.	Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"><li>• Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)</li></ul>
3.	Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"><li>• CIMB Bank (<a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a>)</li><li>• Maybank (<a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>)</li><li>• Public Bank (<a href="http://www.pbebank.com">www.pbebank.com</a>)</li><li>• RHB Bank (<a href="http://www.rhb.com.my">www.rhb.com.my</a>)</li><li>• Ambank (<a href="http://www.ambankgroup.com">www.ambankgroup.com</a>)</li><li>• Pos Online (<a href="http://www.posonline.com.my">www.posonline.com.my</a>)</li><li>• Bank Islam (<a href="http://www.bankislam.biz">www.bankislam.biz</a>)</li><li>• Bank Rakyat (<a href="http://www.irakyat.com.my">www.irakyat.com.my</a>)</li><li>• Bank Simpanan Nasional (<a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a>)</li><li>• Agrobank (<a href="http://www.agronet.com.my">www.agronet.com.my</a>)</li><li>• Affin Bank (<a href="http://www.affinonline.com">www.affinonline.com</a>)</li></ul>
4.	Portal Rasmi PTPTN (e-FES) Melalui Financial Processing Exchange (FPX)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bank Islam</li><li>• CIMB Bank</li><li>• Public Bank</li><li>• Maybank</li><li>• Hong Leong Bank</li><li>• RHB Bank</li></ul>
5.	Pengeluaran Wang Melalui Akaun II (KWSP)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)*</li></ul>
6.	Electronic Data Capture (EDC) Terminal	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kad ATM atau Kad Debit bank-bank tempatan yang mempunyai logo MEPS</li><li>• Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan</li></ul>

Nota :

\* Syarat-syarat pengeluaran wang melalui Akaun II (KWSP) adalah seperti berikut:

• **Permohonan pengeluaran oleh Ahli:**

- Bagi peringkat pengajian ijazah dan Diploma : Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bagi 2 Januari 2001 dan ke atas.

• **Permohonan pengeluaran oleh ibu/ Bapa penerima biaya:**

- Bagi peringkat pengajian ijazah : Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bagi April 2000 dan ke atas.
- Bagi peringkat pengajian Diploma : Perjanjian pembiayaan pendidikan adalah bagi 17 Januari 2006 dan ke atas.



### **Makluman (Bagi Pembayaran di Kaunter Bank & Pejabat Pos)**

- (i) Akaun Penerima : No. Kad Pengenalan penerima biaya.
- (ii) Nama Penerima : PTPTN-PEMBIAYAAN (No. Akaun PTPTN tidak diperlukan).
- (iii) No. Bil/ Kontrak/ Rujukan : No. Rujukan Surat Tawaran/ No. telefon penerima biaya.

### **Semakan Penyata Kira-Kira (e-FES)**

- (i) Kata Laluan : No. Kad Pengenalan penerima biaya
- (ii) No. PIN/ Password : No. Pembiayaan penerima biaya (Sila rujuk No. Pembiayaan pada Penyata Kira-Kira)
  - Setiap pembayaran yang dilakukan melalui kaunter bank atau secara dalam talian (*online*) akan dikenakan caj perkhidmatan oleh pihak bank.
  - Sila simpan slip pembayaran atau cetak resit bayaran untuk simpanan anda.
  - Resit rasmi PTPTN hanya akan dikeluarkan sekiranya pembayaran dibuat melalui kaunter PTPTN.
  - Pembayaran melalui cek peribadi adalah dibenarkan.

**Nota:**

Bayaran melalui bank draft/ kiriman wang hendaklah berpalang dan dibayar atas nama 'PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL'. Sila poskan ke alamat berikut:

Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional  
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana  
Off Jalan Semantan, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur  
(u.p: Unit Terimaan, Kaunter dan Pos)

**Soalan 2 :**

**Saya telah membuat permohonan pertukaran daripada pinjaman konvensional kepada pembiayaan Ujrah. Perlukah saya meneruskan bayaran balik sepanjang tempoh proses penawaran pertukaran Ujrah ini?**

Jawapan:

Ya. Penerima biaya dikehendaki untuk terus membuat bayaran balik. Bayaran balik pinjaman konvensional akan diselaraskan ke pembiayaan Ujrah setelah ditawarkan.

**Soalan 3 :**

**Apakah Ujrah?**

Jawapan :

Ujrah adalah kos upah yang dikenakan ke atas pembiayaan pendidikan seperti dinyatakan di dalam perjanjian yang ditandatangani. Kos upah akan dikira selepas enam (6) bulan tamat pengajian atau tamat pembiayaan pendidikan atau yang mana lebih awal. Kadar kos upah 1% setahun atas kadar rata (*flat rate*) dikenakan bagi tempoh bayaran balik.

**Soalan 4 :**

**Bagaimana caranya untuk menyemak baki pembiayaan pendidikan?**

Jawapan :

Baki pembiayaan pendidikan boleh disemak melalui e-FES di Portal Rasmi PTPTN.

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Soalan 5 :

**Bagaimanakah cara bayaran balik secara dalam talian (*online*) boleh dilakukan?**

Jawapan :

Sila rujuk Portal Rasmi bank-bank berkenaan dan sebarang pertanyaan sila rujuk kepada Bahagian Perkhidmatan Pelanggan bank berkenaan.

Soalan 6 :

**Bagaimanakah caranya saya boleh membayar balik pembiayaan pendidikan menerusi potongan gaji?**

Jawapan :

Sila berikan maklumat kepada Pegawai Bertanggungjawab anda serta muat turun Borang Potongan Gaji dari Portal Rasmi PTPTN. Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Nama, No. Kad Pengenalan dan alamat lengkap penerima biaya.
- ii. Nama, alamat dan no. telefon majikan.

**Nota:**

Penerima biaya akan menerima sesalinan arahan potongan gaji daripada LHDNM kepada majikan. Pembayaran balik menerusi arahan potongan gaji akan mengambil masa 1 hingga 3 bulan sebelum dapat dilaksanakan oleh LHDNM. Sementara itu, penerima biaya boleh membuat bayaran sendiri menggunakan kaedah bayaran balik yang lain untuk mengelakkan tunggakan ansuran.

Soalan 7 :

**Perlukah saya menunggu surat arahan bayaran balik daripada PTPTN sebelum memulakan bayaran balik?**

Jawapan :

Tidak. Penerima biaya tidak perlu menunggu surat arahan bayaran balik daripada PTPTN.

Soalan 8 :

**Bolehkah saya membuat bayaran balik ansuran bulanan lebih awal iaitu sebelum enam (6) bulan dari tarikh mula bayar (*grace period*)?**

Jawapan :

Boleh. Bayaran balik lebih awal adalah digalakkan. Bayaran balik yang dibuat sebelum dari tarikh mula bayar tidak akan dikenakan kos upah. Manakala, bayaran ansuran yang dibuat mengikut jadual bayaran balik adalah tertakluk kepada kos upah yang telah dibina kepada penerima biaya.

Soalan 9 :

**Bilakah tarikh akhir bayaran balik sepatutnya dibayar setiap bulan?**

Jawapan :

Bayaran balik hendaklah dibayar sebelum hari terakhir dalam setiap bulan.



## (II) PERMOHONAN DAN TAWARAN PERTUKARAN UJRAH

Soalan 1 :

**Apakah yang dimaksudkan dengan pembiayaan Ujrah?**

Jawapan :

Pembiayaan Ujrah ialah pembiayaan pendidikan PTPTN yang patuh syariah sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada 28 Julai 2008.

---

Soalan 2 :

**Apakah yang dimaksudkan dengan Ujrah?**

Jawapan :

Ujrah ialah upah 1% setahun pada kadar rata.

---

Soalan 3 :

**Kenapa penerima biaya dikenakan Ujrah?**

Jawapan :

Ujrah pada 1% dikenakan adalah untuk menampung kos-kos bagi mengurus dan menyediakan pembiayaan kepada penerima biaya.

---

Soalan 4 :

**Bilakah tawaran pembiayaan Ujrah mula dilaksanakan?**

Jawapan :

Pembiayaan Ujrah berkuatkuasa kepada permohonan baharu mulai Disember 2008. Bagi pinjaman sedia ada, proses pertukaran daripada pinjaman konvensional kepada pembiayaan Ujrah telah dilaksanakan mulai 1 Ogos 2009.

---

Soalan 5 :

**Adakah pertukaran kepada pembiayaan Ujrah bagi peminjam konvensional dilakukan secara automatik?**

Jawapan :

**TIDAK.** Peminjam perlu membuat permohonan dan menandatangani dokumen tawaran baharu dengan jumlah pembiayaan yang baharu. Ini perlu dilakukan kerana ia melibatkan dua (2) prinsip yang berbeza iaitu konvensional dan patuh syariah.

---

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



## PENGIRAAN UJRAH

Soalan 6 :

**Bagaimana Ujrah dikira?**

Jawapan :

Formula pengiraan Ujrah adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Ujrah keseluruhan} = \frac{\text{Jumlah prinsipal pembiayaan} \times \text{Kadar Ujrah (1\%)} \times \text{Tempoh bayaran balik (tahun)}}{}$$

$$\text{Jumlah pembiayaan Ujrah} = \frac{\text{Jumlah prinsipal pembiayaan} + \text{Jumlah Ujrah keseluruhan}}{}$$

$$\text{Jumlah Ujrah sebulan} = \frac{\text{Jumlah prinsipal pembiayaan} \times \text{Kadar Ujrah (1\%)}}{12 \text{ bulan}}$$

$$\text{Jumlah ansuran bulanan} = \frac{\text{Jumlah pembiayaan Ujrah}}{\text{Tempoh bayaran baharu (bulan)}}$$

Tempoh bayaran balik adalah berdasarkan kepada jumlah prinsipal pembiayaan seperti berikut (tertakluk kepada had umur maksimum 60 tahun):

Bil.	Jumlah Prinsipal Pembiayaan	Tempoh Bayaran Balik Baharu
1	Sehingga RM10,000	60 Bulan (5 tahun)
2	Melebihi RM10,000 hingga RM22,000	120 Bulan (10 tahun)
3	Melebihi RM22,000 hingga RM50,000	180 Bulan (15 tahun)
4	Melebihi RM50,000	240 Bulan (20 tahun)

### Contoh pengiraan :

- Jumlah prinsipal pembiayaan : RM19,500  
Tempoh bayaran balik : 10 tahun (120 bulan)  
Jumlah Ujrah keseluruhan :  $\text{RM19,500} \times 1\% \times 10 \text{ tahun} = \text{RM1,950}$   
Jumlah pembiayaan Ujrah :  $\text{RM19,500} + \text{RM1,950} = \text{RM21,450}$   
Jumlah Ujrah sebulan :  $\frac{\text{RM19,500} \times 1\%}{12} = \text{RM16.25}$   
Jumlah ansuran bulanan :  $\frac{\text{RM21,450}}{120 \text{ bulan}} = \text{RM178.75}$



## **PERTUKARAN UJRAH**

Soalan 7 :

**Siapakah yang LAYAK memohon pertukaran Ujrah ?**

Jawapan :

Semua peminjam konvensional yang belum membuat pertukaran Ujrah adalah layak, termasuk peminjam yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan. Mulai 1 Oktober 2014, peminjam yang mempunyai lebih daripada satu pinjaman diwajibkan membuat penggabungan pinjaman untuk permohonan pertukaran Ujrah.

---

Soalan 8 :

**Siapakah yang TIDAK LAYAK memohon pertukaran Ujrah?**

Jawapan :

Mereka yang **TIDAK LAYAK** memohon pertukaran Ujrah adalah seperti berikut:

- i. Penerima WPP bukan peminjam
  - ii. Peminjam disahkan meninggal dunia atau ilat
  - iii. Peminjam telah mendapat pelepasan bayaran balik kerana mendapat Ijazah Kelas Pertama
  - iv. Peminjam yang tidak bersetuju untuk membuat penggabungan pinjaman sekiranya mempunyai lebih daripada satu pinjaman konvensional
- 

Soalan 9 :

**Saya telah menerima notis peringatan terakhir dan/ atau notis tuntutan tetapi saya masih belum dikenakan tindakan saman. Adakah saya layak untuk memohon pertukaran Ujrah?**

Jawapan :

**Layak.** Bagaimanapun, peminjam perlu menjelaskan satu bulan anggaran ansuran bulanan mengikut JBB Ujrah, kos penguatkuasaan dan kos pelbagai terlebih dahulu untuk membolehkan tawaran Ujrah diproses. Peminjam perlu memaklumkan kepada PTPTN selepas bayaran dibuat.

---

Soalan 10 :

**Saya telah disenarai hitam dan belum membuat apa-apa rundingan dengan PTPTN. Adakah saya layak untuk memohon pertukaran Ujrah?**

Jawapan :

**Layak.** Bagaimanapun, peminjam diminta hadir ke kaunter PTPTN berhampiran untuk bayaran satu bulan anggaran ansuran bulanan mengikut JBB Ujrah dan rundingan bayaran pendahuluan sebelum permohonan Ujrah. Setelah bukti bayaran diterima, nama peminjam akan dikeluarkan dari senarai hitam dan permohonan Ujrah boleh dibuat.

---

## SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Soalan 11 :

**Apakah perbezaan/ kelebihan antara pinjaman konvensional dengan pembiayaan Ujrah?**

Jawapan :

Perbezaan/ kelebihan antara pinjaman konvensional dengan pembiayaan Ujrah adalah seperti berikut:

Bil.	Kriteria	Konvensional	Ujrah
1	Kadar kos	Kos pentadbiran lebih tinggi iaitu 4% dan 5% atas baki berkurangan.	Kos upah lebih rendah iaitu 1% pada kadar rata.
2	Perbandingan jumlah kos (penjimatan)	—	Penjimatan antara 47% hingga 49% dari kos pinjaman konvensional.
3	Prinsip	Tidak patuh syariah	Patuh syariah
4	Jumlah kos bulanan	Kos pentadbiran bulanan berubah-ubah dan akan meningkat sehingga kadar maksimum* sekiranya bayaran balik tidak konsisten dan mempunyai tunggakan ansuran. * Kos maksimum (sebulan) = $\frac{\text{Prinsip pinjaman} \times 3\%}{12}$	Kos upah bulanan adalah sama pada setiap bulan sepanjang tempoh bayaran balik (kadar rata atau flat rate).
5	Jumlah ansuran bulanan	Ansuran bulanan meningkat secara progresif pada 5 tahun pertama tempoh bayaran balik.	Ansuran bulanan sama pada setiap bulan (kadar rata atau flat rate) sepanjang tempoh bayaran balik.
6	Penstrukturran/ penjadualan semula pembiayaan PTPTN	<b>TIDAK LAYAK.</b> Peminjam perlu membuat pertukaran kepada pembiayaan Ujrah terlebih dahulu sekiranya berhasrat membuat penstrukturran/ penjadualan semula pinjaman.	<b>LAYAK.</b> Peminjam layak memohon penstrukturran/ penjadualan semula pembiayaan.

Soalan 12 :

**Bagaimakah untuk memohon pertukaran Ujrah?**

Jawapan :

Permohonan pertukaran Ujrah boleh dibuat di semua kaunter cawangan PTPTN seluruh negara. Peminjam akan diberikan dokumen tawaran untuk dilengkapkan dan dokumen yang lengkap hendaklah dikembalikan kepada PTPTN dalam tempoh yang ditetapkan (tempoh sah laku).



**Soalan 13 :**

**Berapa lama tempoh sah laku dokumen tawaran?**

Jawapan :

Tempoh sah laku bagi dokumen tawaran ialah 14 hari daripada tarikh surat tawaran. Peminjam hendaklah mengembalikan dokumen tawaran yang lengkap dalam tempoh sah laku ini. Dokumen yang tidak diterima dalam tempoh ini akan dibatalkan dan peminjam perlu membuat permohonan semula. Ini akan menyebabkan jumlah pembiayaan semasa meningkat kerana pertambahan kos pentadbiran.

---

**Soalan 14 :**

**Apakah langkah yang perlu diambil untuk memohon pertukaran Ujrah?**

Jawapan :

Berikut adalah 6 langkah mudah untuk memohon pertukaran Ujrah:

- i. Layari Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my))
  - ii. Muat turun dan lengkapkan Borang Kemaskini Maklumat
  - iii. Lengkapkan 2 set dokumen tawaran Ujrah beserta Setem Hasil RM10 setiap satu
  - iv. Dapatkan pengesahan majikan jika ingin membuat potongan gaji
  - v. Serahkan/ poskan di mana-mana kaunter PTPTN berhampiran
  - vi. Mulakan pembayaran mengikut Jadual Bayaran Balik (JBB) baharu
- 

**Soalan 15 :**

**Adakah permohonan pertukaran kepada pembiayaan Ujrah mempunyai tempoh tertentu?**

Jawapan :

**Tidak.** Permohonan pertukaran Ujrah boleh dibuat pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, peminjam digalakkan untuk membuat pertukaran Ujrah lebih awal, untuk menikmati penjimatan kos yang lebih tinggi.

---

**Soalan 16 :**

**Apakah polisi asas pengiraan pertukaran Ujrah?**

Jawapan :

Polisi asas yang digunakan untuk pengiraan pertukaran Ujrah adalah seperti berikut:

- i. **Jumlah prinsipal Ujrah :** Merujuk kepada baki pinjaman keseluruhan (termasuk baki Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) sekiranya ada) pada akhir bulan sebelum tarikh kuatkuasa tawaran pertukaran Ujrah  
**Contoh :** Sekiranya tarikh kuatkuasa tawaran Ujrah adalah pada 1 Oktober 2014, maka baki pinjaman yang digunakan ialah baki akhir 30 September 2014.
- ii. Tempoh bayaran balik baharu: Berdasarkan jumlah prinsipal Ujrah seperti berikut (tertakluk kepada had umur maksimum 60 tahun)

Bil.	Jumlah Prinsipal Pembiayaan	Tempoh Bayaran Balik Baharu
1	Sehingga RM10,000	60 Bulan (5 tahun)
2	Melebihi RM10,000 hingga RM22,000	120 Bulan (10 tahun)
3	Melebihi RM22,000 hingga RM50,000	180 Bulan (15 tahun)
4	Melebihi RM50,000	240 Bulan (20 tahun)

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



## Contoh pengiraan:.

Jumlah pembiayaan semasa	:	RM19,400
Tempoh bayaran balik baharu	:	10 tahun (120 bulan)
Jumlah Ujrah keseluruhan	:	$RM19,400 \times 1\% \times 10 \text{ tahun} = RM1,940$
Jumlah pembiayaan Ujrah	:	$RM19,400 + RM1,940 = RM21,340$
Jumlah Ujrah sebulan	:	$\frac{RM19,400 \times 1\%}{12} = RM16.17$
Jumlah ansuran bulanan	:	$\frac{RM21,340}{120 \text{ bulan}} = RM177.83$

Soalan 17 :

**Peminjam yang bertukar Ujrah boleh menikmati penjimatan kos antara 47% hingga 49%. Jelaskan.**

Jawapan :

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan jumlah kos pentadbiran dengan jumlah Ujrah dengan penjimatan kos antara 47% hingga 49%:

JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)	TEMPOH BAYARAN BALIK	JUMLAH KOS PENTADBIRAN 3% SETAHUN (RM)	JUMLAH UJRAH 1% SETAHUN (RM)	PENJIMATAN (RM)	PENJIMATAN (%)
5,000	5 Tahun	474	250	224	47
10,000	5 Tahun	948	500	448	47
15,000	10 Tahun	2,940	1,500	1,440	49
21,000	10 Tahun	4,116	2,100	2,016	49
48,000	15 Tahun	13,829	7,200	6,629	48
64,000	20 Tahun	24,470	12,800	11,670	48
100,000	20 Tahun	38,235	20,000	18,235	48
150,000	20 Tahun	57,354	30,000	27,354	48

## LEBIH DARIPADA SATU PINJAMAN (PENGGABUNGAN)

Soalan 18 :

**Apa yang dimaksudkan dengan penggabungan pinjaman?**

Jawapan :

Penggabungan pinjaman ialah menggabungkan lebih dari satu pinjaman menjadi satu pinjaman sahaja. Penggabungan pinjaman adalah syarat **wajib** bagi peminjam yang ingin memohon pertukaran Ujrah mulai 1 Oktober 2014 sekiranya peminjam mempunyai lebih daripada satu pinjaman. Melalui kaedah ini, peminjam akan mempunyai satu rekod pinjaman sahaja.



**Soalan 19 :**

**Apakah kriteria pinjaman yang perlu digabungkan?**

Jawapan :

Sebauh pinjaman yang telah tamat pengeluaran pinjaman dan masih mempunyai baki perlu digabungkan. Pinjaman yang masih dalam tempoh pengeluaran pinjaman dikecualikan daripada penggabungan ini.

---

**Soalan 20 :**

**Apakah kelebihan penggabungan pinjaman?**

Jawapan :

Melalui kaedah penggabungan ini, peminjam akan mempunyai satu rekod pembiayaan sahaja. Ini memudahkan bayaran balik pembiayaan kerana ia dibuat berdasarkan satu amaun ansuran bulanan sahaja.

---

**Soalan 21 :**

**Adakah saya layak bertukar kepada pembiayaan Ujrah sekiranya tidak bersetuju untuk membuat penggabungan pinjaman?**

Jawapan :

**Tidak layak.** Penggabungan pinjaman adalah syarat wajib bagi peminjam yang ingin memohon pertukaran Ujrah mulai 1 Oktober 2014 sekiranya peminjam mempunyai lebih daripada satu pinjaman.

---

**Soalan 22 :**

**Jika saya mempunyai dua pinjaman dan tidak mahu bertukar kepada pembiayaan Ujrah, adakah saya layak membuat penggabungan pinjaman?**

Jawapan :

**Tidak layak.** Penggabungan pinjaman hanya terbuka kepada peminjam yang bersetuju bertukar kepada pembiayaan Ujrah sahaja.

---

**Soalan 23 :**

**Saya mempunyai pinjaman A dan B serta pembiayaan Ujrah C. Bolehkah saya membuat penggabungan bagi ketiga-tiganya?**

Jawapan :

**Tidak boleh.** Penggabungan pinjaman hanya boleh dilakukan pada pinjaman konvensional sahaja iaitu pinjaman A dan B melalui permohonan pertukaran Ujrah.

---

**Soalan 24 :**

**Sekiranya peminjam mempunyai dua pinjaman konvensional melibatkan diploma dan ijazah, adakah satu permohonan Ujrah memadai untuk kedua-dua peringkat pengajian tersebut?**

Jawapan :

**Ya.** Satu permohonan Ujrah adalah memadai bagi kesemua pinjaman tanpa mengira peringkat pengajian. Kesemua pinjaman tersebut akan digabungkan pinjaman sahaja.

---

## **SOALAN LAZIM**

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Soalan 25 :

**Saya mempunyai lebih daripada satu pembiayaan Ujrah. Bolehkah saya membuat penggabungan pembiayaan saya?**

Jawapan :

**Tidak boleh.** Penggabungan pinjaman hanya ditawarkan kepada pinjaman konvensional sahaja.

Soalan 26 :

**Bagaimakah cara untuk membuat penggabungan pinjaman?**

Jawapan :

Penggabungan pinjaman hanya ditawarkan kepada peminjam yang membuat pertukaran Ujrah sahaja.

Soalan 27 :

**Saya mempunyai pinjaman D yang berbaki RM3,000 manakala pinjaman E berbaki RM13,000. Bolehkah saya bertukar kepada pembiayaan Ujrah untuk pinjaman E sahaja?**

Jawapan :

**Tidak boleh.** Pertukaran Ujrah hendaklah dibuat dengan menggabungkan kedua-dua pinjaman tersebut. Sekiranya anda ingin bertukar Ujrah bagi pinjaman E sahaja, anda perlu membuat penyelesaian penuh bagi pinjaman D terlebih dahulu.

### **SEMAKAN DAN KEMASKINI**

Soalan 28 :

**Bagaimakah saya boleh menyemak status permohonan pertukaran Ujrah saya?**

Jawapan :

Anda boleh menyemak status permohonan pertukaran Ujrah di Portal Rasmi PTPTN melalui ruangan Semakan Kelulusan Pertukaran Ujrah.

Soalan 29 :

**Apakah yang akan berlaku apabila dokumen tawaran diterima oleh PTPTN dan bilakah akaun saya dikemaskini?**

Jawapan :

Akaun pembiayaan Ujrah anda akan dikemaskini dalam tempoh 7 hari selepas dokumen tawaran Ujrah yang lengkap diterima. Akaun pinjaman yang lama akan dikosongkan dan dikemaskini ke akaun pembiayaan Ujrah.

Soalan 30 :

**Saya telah memohon pertukaran Ujrah pada 1 Oktober 2014 dan membuat bayaran melalui perbankan internet sebanyak RM500 pada 3 Oktober 2014. Adakah bayaran saya diambil kira dalam jumlah pembiayaan semasa tawaran Ujrah?**

Jawapan :

**Tidak.** Jumlah pembiayaan semasa dikira berdasarkan baki akhir bulan sebelum tarikh kuatkuasa tawaran pertukaran Ujrah. Bayaran yang dibuat akan dikemaskini dalam rekod akaun pembiayaan Ujrah selepas dokumen tawaran yang lengkap diterima.



## BAYARAN BALIK

Soalan 31 :

**Perlukah saya meneruskan bayaran balik sepanjang tempoh proses penawaran Ujrah ini?**

Jawapan :

Ya. Anda adalah dikehendaki untuk meneruskan bayaran balik sepanjang tempoh proses tawaran Ujrah. Sebarang bayaran balik akan dikemas kini ke akaun pembiayaan Ujrah selepas dokumen tawaran Ujrah yang lengkap dikembalikan dalam tempoh yang ditetapkan.

---

Soalan 32 :

**Saya telah bertukar kepada Ujrah, bagaimanapun saya masih tidak mampu membuat pembayaran balik sebagaimana yang ditetapkan. Apakah tindakan yang patut saya ambil?**

Jawapan :

Sekiranya anda telah bertukar Ujrah tetapi masih tidak berkemampuan untuk membuat bayaran balik bulanan seperti yang ditetapkan, anda layak untuk membuat penstruktur semula pembiayaan. (Rujuk Soalan Lazim mengenai Penstruktur Semula Pembiayaan).

---

Soalan 33 :

**Saya telah membuat pembayaran bagi pinjaman untuk Diploma dan Ijazah secara potongan gaji, walau bagaimanapun selepas memohon pertukaran Ujrah dan membuat penggabungan pinjaman, saya dapat terdapat perubahan pada ansuran bulanan baharu, apakah yang terjadi kepada potongan gaji sedia ada?**

Jawapan :

Potongan gaji sedia ada akan kekal. Sekiranya ansuran bulanan baharu lebih tinggi daripada potongan gaji sedia ada, anda dinasihatkan untuk membuat permohonan perubahan potongan gaji.

---

Soalan 34 :

**Saya telah membuat potongan gaji sebanyak RM100 setiap bulan. Apabila saya bertukar Ujrah, ansuran bulanan saya adalah RM150. Bolehkah saya mengekalkan potongan gaji sebanyak RM100 sebulan?**

Jawapan :

Tidak boleh. Peminjam tidak dibenarkan membuat potongan gaji kurang daripada JBB baharu iaitu RM150 yang ditawarkan. Anda perlu membuat permohonan perubahan potongan gaji. Sekiranya anda tidak mampu membayar amaun yang ditetapkan, anda boleh memohon untuk membuat penstruktur semula pembiayaan.

---

Soalan 35 :

**Bagaimakah cara untuk membuat permohonan perubahan potongan gaji?**

Jawapan :

Permohonan perubahan potongan gaji boleh dibuat dengan mengisi Borang Potongan Gaji yang baharu dan mengemukakannya kepada PTPTN. PTPTN akan membuat pindaan amaun potongan gaji dengan pihak LHDN. Walau bagaimanapun, pindaan amaun yang dibenarkan adalah bersamaan atau melebihi ansuran bulanan mengikut JBB baharu.

---

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



## (III) PENGECAULIAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Soalan 1 :

**Siapakah yang layak memohon pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan?**

Jawapan :

Penerima biaya yang berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya layak memohon pengecualian bayaran balik pembiayaan. Bagi penerima biaya di IPTS, kursus yang diikuti mesti mendapat Sijil Perakuan Akreditasi dari MQA. Penerima biaya yang telah bertindih pembiayaan sepenuhnya (keseluruhan pembiayaan) daripada penaja selain PTPTN, menukar jurusan, peringkat pengajian dan IPT tanpa kelulusan PTPTN atau melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan dalam perjanjian pembiayaan pendidikan, tidak akan dipertimbangkan untuk kemudahan pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan.

Soalan 2 :

**Bagaimanakah cara untuk memohon pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan?**

Jawapan :

Sila hantarkan dokumen-dokumen seperti berikut:

- i. Borang permohonan dan Akuan Penerima Biaya Bagi Pengecualian Bayaran Balik kerana mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya.
- ii. Salinan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya;
- iii. Sesalinan transkrip akademik; dan
- iv. Surat pengesahan Kelas Pertama (jika tiada perkataan Kelas Pertama tercatat pada Ijazah).

**Nota :**

\* Semua salinan dokumen dan surat pengesahan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Bahagian Akademik IPT sahaja.

\* Sesalinan Sijil Perakuan Akreditasi oleh MQA diperlukan jika kelulusan pemohon adalah daripada IPTS.

Soalan 3 :

**Saya mendapat Kepujian Kelas Pertama semasa program diploma, bolehkah saya memohon untuk pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN?**

Jawapan :

Tidak boleh. Hanya pelajar lulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf dengannya sahaja yang layak memohon pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN.

Soalan 4 :

**Bolehkah Ijazah Sarjana Muda Kelas Kedua Tinggi memohon pengurangan bayaran balik pembiayaan pendidikan?**

Jawapan :

Tidak boleh. Buat masa ini PTPTN hanya memberi pengecualian bayaran balik kepada Kelas Pertama atau setaraf dengannya sahaja dan tiada pengurangan atau diskon diberi kepada Kelas Kedua Tinggi.



Soalan 5 :

**Bolehkah salinan transkrip dan Ijazah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Bahagian lain?**

Jawapan :

Tidak boleh. Semua salinan dokumen seperti transkrip dan Ijazah hanya boleh disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Bahagian Akademik IPT atau bahagian yang mengeluarkan Ijazah dan transkrip bagi IPT berkenaan sahaja.

Soalan 6 :

**Saya mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama semasa belajar di UPM dan kini sedang menyambung pengajian dalam program sarjana di UM. Bolehkah saya mendapat pengesahan untuk dokumen Ijazah dan transkrip saya di bahagian akademik UM?**

Jawapan :

Tidak boleh. Pengesahan dokumen hanya boleh dilakukan di Bahagian Akademik IPT atau bahagian yang mengeluarkan Ijazah dan transkrip di **peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja**.

Soalan 7 :

**PTPTN saya tidak mempunyai Bahagian Akademik, di manakah saya harus mengesahkan dokumen saya?**

Jawapan :

Salinan Ijazah dan transkrip boleh disahkan oleh bahagian yang mengeluarkan transkrip dan Ijazah seperti Bahagian Akademik atau Bahagian Peperiksaan dan Rekod Universiti IPT berkenaan sahaja.

Soalan 8 :

**Saya pernah menerima pembiayaan pendidikan PTPTN dan telah membatalkan pembiayaan pendidikan dengan PTPTN kerana menerima penaja lain. Walau bagaimanapun saya telah lulus peperiksaan dengan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama, bolehkah saya memohon pengecualian bayaran balik pinjaman pendidikan?**

Jawapan :

Boleh. Sekiranya tiada sebarang pertindihan tajaan (pelajar menerima pembiayaan serentak daripada PTPTN serta agensi lain) berlaku di mana-mana semester sepanjang pengajian. Sekiranya terdapat pertindihan pembiayaan, penerima biaya perlu menyelesaikan/ membayar semula jumlah pembiayaan yang bertindih terlebih dahulu, sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengecualian bayaran. Selain itu, syarat-syarat lain pengecualian bayaran balik adalah terpakai.

Soalan 9 :

**Bolehkah pelajar lulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dari IPTS memohon untuk pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan?**

Jawapan:

Boleh. Dengan syarat pelajar IPTS perlu mengikuti program yang mempunyai Sijil Perakuan Akreditasi oleh MQA. Sijil tersebut perlu diperolehi ketika masih dalam peringkat pengajian atau sebelum tarikh kelulusan senat. Selain itu, syarat-syarat lain pengecualian bayaran balik adalah terpakai.

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Soalan 10 :

**Bagaimakah untuk saya mengetahui status permohonan pengecualian bayaran balik pembiayaan pendidikan saya?**

Jawapan :

PTPTN akan memaklumkan status dan keputusan permohonan kepada pelajar melalui surat.

## (IV) PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Soalan 1 :

**Siapakah yang layak untuk memohon penangguhan bagi bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN?**

Jawapan :

Hanya penerima biaya pembiayaan ujrah (1%) sahaja layak untuk memohon penangguhan bayaran balik. Bagi penerima biaya konvensional, permohonan penangguhan bayaran balik adalah tidak dibenarkan.

Berikut merupakan kategori penerima biaya yang layak untuk dipertimbangkan iaitu:

- i. Penerima biaya yang telah menamatkan pengajian dan menyambung semula pengajian secara sepenuh masa;
- ii. Penerima biaya yang mengikuti pengajian secara kursus berkembar iaitu kursus yang diikuti secara 2+1 atau 2+2 atau seumpamanya yang memerlukan penerima biaya menyambung pengajian ke luar negara untuk menyelesaikan pengajian;
- iii. Penerima biaya yang telah menamatkan pengajian tetapi masih belum bekerja (tiada pendapatan). Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah 24 bulan (2 tahun) dari tarikh mula bayar balik pembiayaan pendidikan;
- iv. Penerima biaya yang berstatus gagal/ berhenti/ batal, penangguhan hanya dibenarkan bagi penerima biaya yang meneruskan pengajian secara sepenuh masa sahaja;
- v. Penerima biaya yang telah dikenakan notis penguatkuasaan, penangguhan boleh dipertimbangkan setelah membayar kos guaman;
- vi. Penerima biaya berstatus penaja lain (S), yang mempunyai jumlah pembiayaan bertindih, penangguhan boleh dipertimbangkan setelah membayar keseluruhan jumlah tajaan yang bertindih;
- vii. Penerima biaya yang melanjutkan pengajian ke luar negara secara sepenuh masa;
- viii. Penerima biaya yang mengikuti kusus PhD atau setaraf secara sepenuh masa;
- ix. Penerima biaya yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan (saman dan ke atas) tertakluk untuk membayar kos guaman yang telah dikenakan sebelum penangguhan dipertimbangkan (berdasarkan pengesahan Pegawai Undang-Undang/ lejar pinjaman).

**Soalan 2 :**

**Bagaimanakah cara untuk membuat penangguhan bayaran balik memandangkan saya belum bekerja dan tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi?**

Jawapan :

Berikut merupakan dokumen yang diperlukan:

- i. Surat rasmi permohonan penangguhan/ borang penangguhan; dan
- ii. Surat sokongan daripada Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang menyokong bahawa penerima biaya tidak bekerja; atau
- iii. Penyata KWSP terkini; atau
- iv. Surat pengesahan daripada KWSP yang mengesahkan penerima biaya belum muncarum.

***Nota :***

*Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.*

*• Kos upah tetap dikenakan sepanjang tempoh penangguhan.*

---

**Soalan 3 :**

**Saya telah diluluskan penangguhan bayaran balik bagi pinjaman konvensional (3%) sebelum ini, adakah saya layak menerima tawaran pertukaran Ujrah?**

Jawapan :

Boleh. Penerima biaya yang telah diluluskan penangguhan bayaran balik layak menerima tawaran pertukaran Ujrah.

---

**Soalan 4 :**

**Saya ingin menangguhkan pembayaran balik pembiayaan pendidikan kerana sedang menyambung pengajian. Bagaimanakah caranya?**

Jawapan :

Penerima biaya perlu mengemukakan surat permohonan rasmi penangguhan atau mengisi Borang Penangguhan Bayaran Balik yang boleh diperolehi di Portal Rasmi PTPTN bersama dokumen sokongan berikut:

- i. Salinan surat tawaran pengajian.
- ii. Salinan surat tawaran penaja baru (jika mendapat tajaan dari penaja lain selain PTPTN/ jika melanjutkan pengajian ke luar negara).
- iii. Surat pengesahan tarikh tamat pengajian dari IPT (jika tiada dalam surat tawaran).
- iv. Sesalinan transkrip dan sijil bagi peringkat pengajian yang telah tamat (jika berkaitan).

***Nota :***

*Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.*

*• Kos upah tetap dikenakan sepanjang tempoh penangguhan.*

---

**Soalan 5:**

**Setelah Ujrah ditawarkan, saya masih tidak mampu membuat pembayaran balik. Adakah saya boleh membuat penangguhan sekali lagi?**

Jawapan :

Penerima biaya boleh mengemukakan permohonan penangguhan. Walau bagaimanapun, keputusan permohonan penangguhan tertakluk kepada peraturan semasa PTPTN.

---

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Soalan 6 :

**Apakah kesan kepada tempoh bayaran balik dan jumlah ansuran bulanan setelah diluluskan penangguhan bayaran balik?**

Jawapan :

Tempoh bayaran balik tidak dianjak dan jumlah ansuran pada masa akan datang menjadi lebih tinggi berikutnya pembinaan Jadual Bayaran Balik (JBB) selepas tamat penangguhan adalah berdasarkan dasar penjadualan semula pembiayaan pendidikan. Disebabkan itu, secara tidak langsung iaanya akan menambahkan lagi beban kewangan pada masa akan datang.

Soalan 7 :

**Bolehkah saya memohon penangguhan kerana saya hanya bekerja sementara/kontrak?**

Jawapan :

Tidak boleh. Walau bagaimanapun, penerima biaya disarankan untuk membuat permohonan penstrukturkan semula pembiayaan pendidikan.

Soalan 8 :

**Berapa lamakah tempoh penangguhan yang dibenarkan oleh PTPTN bagi bayaran balik pembiayaan pendidikan?**

Jawapan :

Kategori kelayakan penerima biaya dan tempoh penangguhan yang dibenarkan oleh PTPTN adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Kelayakan	Tempoh Penangguhan
1.	Telah menamatkan pengajian dan menyambung semula pengajian.	Sepanjang tempoh pengajian baru.
2.	Melanjutkan tempoh pengajian ( <i>Extend Semester</i> )	Sepanjang tempoh pelanjutan yang dibenarkan oleh IPT.
3.	Menerima penaja lain.	Sepanjang tempoh pengajian.
4.	Berstatus gagal/batal/berhenti pengajian tetapi masih meneruskan pengajian di IPT lain.	Sepanjang tempoh pengajian baru.
5.	Tidak bekerja.	Maksimum 24 bulan (2 tahun) dari tarikh mula bayar balik asal.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh penangguhan kos upah tetap dikenakan. Oleh itu, penangguhan bayaran adalah tidak digalakkan.

Soalan 9 :

**Saya telah diluluskan penangguhan dan sekarang telah mendapat pekerjaan. Adakah saya boleh memulakan bayaran balik lebih awal daripada tempoh penangguhan yang telah diluluskan?**

Jawapan :

Boleh. Bagi penerima biaya yang telah diluluskan penangguhan tetapi berhasrat untuk memulakan bayaran balik lebih awal, penerima biaya boleh terus memulakan bayaran balik.



**Soalan 10 :**

**Saya telah diluluskan penangguhan, bagaimanakah pengiraan kos upah yang dikenakan?**

Jawapan :

Pengiraan kos upah yang dikenakan adalah berdasarkan Jadual Bayaran Balik (JBB) asal. Ini bermakna kos upah tetap dikenakan selagi ada baki hutang pembiayaan pendidikan.

---

**Soalan 11 :**

**Saya telah diluluskan penangguhan bagi peringkat Diploma ketika masih dalam pengajian peringkat Ijazah. Bolehkah penangguhan peringkat Ijazah dibuat sekiranya saya melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana?**

Jawapan :

Boleh. Permohonan penangguhan kali kedua/ ketiga dan seterusnya hanya dibenarkan setelah tamat tempoh penangguhan terdahulu. Walau bagaimanapun, semua kelulusan penangguhan adalah tertakluk kepada baki tempoh JBB sedia ada. Bagi baki tempoh kosong dan negatif, tuntutan secara sekaligus akan dibuat. Sekiranya penerima biaya membuat rayuan, maka penstrukturkan semula JBB akan dilaksanakan.

---

#### **(V) GAGAL/ BERHENTI/ TUKAR PENGAJIAN/ BATAL PEMBIAYAAN PENDIDIKAN**

**Soalan 1 :**

**Apakah prosedur untuk membatalkan pembiayaan pendidikan saya?**

Jawapan :

Penerima biaya perlu mengisi Borang Pembatalan Pembiayaan yang boleh diperolehi menerusi Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)/ kaunter PTPTN/ Portal Rasmi PTPTN berserta surat permohonan rasmi pembatalan pembiayaan pendidikan. Bagi penerima biaya yang menerima penaja lain, sila sertakan bersama salinan surat tawaran daripada penaja berkenaan.

---

**Soalan 2 :**

**Sekiranya penerima biaya gagal dalam tempoh pengajian, apakah tindakan yang perlu diambil oleh penerima biaya tersebut?**

Jawapan :

Sekiranya penerima biaya gagal dalam pelajaran dan tidak sempat menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan, penerima biaya tersebut dikehendaki membayar keseluruhan jumlah pembiayaan pendidikan yang telah dikeluarkan oleh PTPTN kepadanya termasuk kos upah.

---

**Soalan 3 :**

**Saya telah menerima notis tuntutan keseluruhan pembiayaan pendidikan, bolehkah saya membayar secara ansuran?**

Jawapan :

Boleh. Penerima biaya yang berstatus gagal/ berhenti/ tukar pengajian/ membatalkan pembiayaan pendidikan dikehendaki untuk membuat bayaran balik pembiayaan pendidikan berdasarkan jadual bayaran balik yang telah ditetapkan.

---

## **SOALAN LAZIM**

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Soalan 4 :

**Saya telah membatalkan pembiayaan pendidikan saya dengan PTPTN dan ingin memohon untuk mendapatkan pembiayaan pendidikan dari penaja lain tetapi penaja tersebut memerlukan surat pelepasan bersyarat daripada PTPTN. Bagaimanakah saya boleh mendapatkannya?**

Jawapan :

Penerima biaya perlu mengemukakan surat permohonan rasmi untuk mendapatkan surat pelepasan bersyarat kerana menerima tajaan lain. Surat permohonan tersebut boleh dihantar sama ada secara pos, faks atau serahan di kaunter PTPTN.

Soalan 5 :

**Saya telah membatalkan pembiayaan pendidikan saya dengan PTPTN, bolehkah saya membuat permohonan pembiayaan kali kedua untuk meneruskan pengajian saya?**

Jawapan :

Boleh. Sekiranya penerima biaya tidak mempunyai sebarang hutang dengan PTPTN. Walau bagaimanapun, bagi penerima biaya yang masih berhutang, pertimbangan akan diberikan apabila hutang terdahulu diselesaikan kecuali pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Soalan 6 :

**Sekiranya saya telah melangsahkan kesemua hutang saya, adakah saya diberi sebarang surat pelepasan hutang yang menyatakan saya telah pun melangsahkan hutang saya?**

Jawapan :

Ya. Sekiranya penerima biaya telah melangsahkan kesemua hutang, PTPTN akan mengeluarkan surat pelepasan hutang yang memaklumkan bahawa penerima biaya telah pun melangsahkan hutang dan tidak lagi terikat dengan PTPTN.

Soalan 7 :

**Adakah kos upah dikenakan bagi penerima biaya yang membatalkan pembiayaan pendidikan?**

Jawapan :

Ya. Kos upah akan dikenakan enam (6) bulan selepas tamat pembiayaan/ penajaan.

### **(VI) PEMBAYARAN TIDAK IKUT JADUAL**

Soalan 1 :

**Bolehkah saya membayar balik lebih daripada jumlah ansuran asal?**

Jawapan :

Boleh. Penerima biaya dibenarkan membuat bayaran melebihi ansuran yang ditetapkan. Sekiranya penerima biaya menyelesaikan kesemua bayaran balik dengan lebih awal, jumlah penyelesaian adalah berdasarkan jumlah pembiayaan pendidikan yang diterima termasuk kos upah dikenakan sehingga tarikh penyelesaian penuh dibuat.



Soalan 2 :

**Bolehkah saya membayar balik kurang daripada jumlah ansuran asal?**

Jawapan :

Tidak boleh. Bayaran balik kurang daripada jumlah ansuran adalah tidak digalakkan dan boleh menyebabkan berlakunya tunggakan ansuran bulanan bayaran balik.

#### (VII) PENJADUALAN/ PENSTRUKTURAN SEMULA PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Soalan 1:

**Apakah syarat-syarat dan garis panduan yang melayakkan penerima biaya untuk memohon penjadualan/ penstruktur semula?**

Jawapan :

Berikut merupakan syarat-syarat dan garis panduan bagi permohonan penjadualan/ penstruktur semula bayaran balik.

Bil.	Perkara	Penjadualan	Penstruktur
1.	<b>Kategori Pembiayaan</b>	Ujrah sahaja.	
2.	<b>Status pembiayaan</b>	Terpakai bagi semua status pembiayaan termasuk batal pembiayaan (B)/ gagal pengajian (G)/ berhenti pengajian (K) /mempunyai penaja lain (S) dan tamat pengajian/ pembiayaan (T).	
3.	<b>Yuran Pemprosesan</b>	Kali pertama : dikecualikan Kali kedua : RM50; Kali ketiga : RM100; Kali keempat : RM150 Kali kelima dan seterusnya : RM200	Kali pertama : dikecualikan Kali kedua : RM50; Kali ketiga : RM100; Kali keempat : RM150 Kali kelima dan seterusnya : RM200  <b>Tambahan:</b> i. Upah bagi tambahan tempoh bayaran balik pembiayaan pendidikan; ii. Perlindungan Takaful baru; dan iii. Duti Setem.  * Perlu menjelaskan kos pelbagai (jika ada) terlebih dahulu seperti kos penguatkuasaan, WPP (sekiranya tidak dijelaskan akan dikira sebagai prinsipal baru), hutang duti setem, hutang takaful dan yuran pemprosesan.

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)

Bil.	Perkara	Penjadualan	Penstrukturran
4.	Tunggakan Bayaran	Ya.	Ya dan/ atau tidak mampu bayar mengikut JBB yang ditetapkan.
5.	Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan	Berdasarkan baki tempoh pembiayaan asal.	Had umur maksimum bagi penentuan tempoh bayaran balik penstrukturran semula pembiayaan adalah sehingga 60 tahun.
6.	Dokumen Penawaran	Surat Makluman Kelulusan akan dikeluarkan.	Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian Penstrukturran Semula akan dikeluarkan
7.	Ansuran Bulanan	Berdasarkan baki tempoh jadual bayaran balik sedia ada.	Ansuran bulanan minimum adalah berdasarkan penentuan 5% - 8% daripada jumlah pendapatan bersih, tertakluk kepada kelayakan tempoh bayaran balik (sehingga umur 60 tahun). Walau bagaimanapun, jumlah minimum ansuran bulanan tersebut adalah tertakluk kepada persetujuan PTPTN.

Soalan 2:

**Apakah yang ditakrifkan dengan Kos Pelbagai?**

Jawapan:

Kos Pelbagai ialah kos tindakan penguatkuasaan yang dikenakan ke atas penerima biaya seperti kos pengeluaran Notis Peringatan Terakhir, *Notice of Demand* (NOD) dan kos saman yang di bayar kepada panel peguam.

Soalan 3:

**Adakah yuran pemprosesan, kos pelbagai, hutang takaful dan hutang duti setem pada pembiayaan Ujrah (ELMAS-i) perlu diselesaikan sebelum permohonan penstrukturran semula diproses?**

Jawapan:

Ya.Yuran pemprosesan, kos pelbagai, hutang Takaful dan hutang duti setem hendaklah dibayar oleh penerima biaya sebelum surat tawaran penstrukturran semula dikeluarkan. Dengan kata lain, surat tawaran penstrukturran semula hanya akan dikeluarkan setelah penerima biaya bersetuju dengan syarat-syarat penstrukturran semula dan membayar yuran pemprosesan, kos pelbagai, hutang takaful dan hutang duti setem (jika ada).

Soalan 4:

**Adakah penerima biaya boleh menghantar dokumen kelulusan tawaran (dokumen tawaran perjanjian bagi penstrukturran semula/ surat makluman kelulusan bagi penjadualan semula) ke mana-mana kaunter PPN yang terdekat?**

Jawapan:

Boleh. Penerima biaya boleh menghantar dokumen perjanjian yang telah lengkap di mana-mana cawangan PTPTN yang terdekat.

**Soalan 5:**

**Bagaimanakah kaedah yang digunakan untuk menuntut kos pelbagai/ kos penghakiman yang berada di pinjaman konvensional (ELMAS) bagi penerima biaya yang telah menukar kepada pembiayaan ujrah?**

Jawapan:

Bagi penerima biaya yang mempunyai kos pelbagai/ kos penghakiman di pinjaman konvensional (ELMAS), notis tuntutan akan dikeluarkan kepada penerima biaya untuk menyelesaikan hutang tersebut.

**Soalan 6:**

**Bolehkah permohonan penjadualan/ penstrukturran semula diterima melalui pos/ faks dan diproses tanpa penerima biaya perlu hadir di kaunter PTPTN?**

Jawapan:

Tidak Boleh. Penerima biaya yang ingin memohon penjadualan/ penstrukturran semula dikehendaki hadir sendiri ke mana-mana kaunter PTPTN, lanya bagi memudahkan perundungan, penjelasan dan penerimaan dokumen tawaran diuruskan.

**Soalan 7:**

**Bolehkah kelulusan kes penjadualan/ penstrukturran semula tersebut digunakan oleh penerima biaya untuk pengeluaran akaun II KWSP?**

Jawapan:

Boleh. Penerima biaya turut dikehendaki membawa bersama salinan dokumen perjanjian asal pembiayaan di samping dokumen sokongan yang terbabit bagi tujuan permohonan pengeluaran akaun II KWSP tersebut. Walau bagaimanapun, kelulusan pengeluaran adalah tertakluk kepada KWSP.

Tarikh Kuatkuasa Pengeluaran Pendidikan Berdasarkan Peringkat Pengajian:

1 April 2000	- Ijazah Sarjana Muda dan ke atas serta yang setara dengannya bagi anak ahli
2 Januari 2001	- Diploma dan ke atas serta yang setara dengannya bagi ahli
17 Januari 2006	- Diploma bagi anak ahli

**Soalan 8:**

**Bolehkah kelulusan kes penjadualan/ penstrukturran semula tersebut yang telah dibina JBB baru layak untuk menerima kemudahan rebat 10% bagi bayaran balik pembiayaan (selagi masih ditawarkan)?**

Jawapan:

Boleh. Penerima biaya layak untuk menerima kemudahan rebat 10% tersebut sekiranya pembayaran mencukupi syarat seperti yang telah ditetapkan berdasarkan JBB baru yang telah dibina.

**Soalan 9:**

**Adakah penerima biaya yang telah tamat JBB layak menerima kemudahan penjadualan semula/penstrukturran semula?**

Jawapan:

Layak. Penerima biaya tersebut boleh dipertimbangkan bagi penstrukturran semula bayaran balik pembiayaan sahaja.

## **SOALAN LAZIM**

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Soalan 10 :

**Adakah penerima biaya boleh memohon semula penjadualan/ penstrukturuan semula bila-bila masa (tiada had tempoh) sekiranya kelulusan penjadualan/ penstrukturuan semula telah dibatalkan sebelum ini?**

Jawapan :

Ya. Penerima biaya boleh memohon semula pada bila-bila masa.

Soalan 11 :

**Bagi penerima biaya yang memohon penjadualan/ penstrukturuan semula dan pada masa yang sama sebelum ini telah pun membuat bayaran secara konsisten, adakah penerima biaya ini layak untuk mendapat rebat 10%?.**

**Contohnya penerima biaya telah membuat bayaran enam (6) bulan secara konsisten di JBB asal dan enam (6) bulan lagi dibayar secara konsisten selepas penjadualan/ penstrukturuan semula.**

Jawapan :

Ya. Penerima biaya tersebut layak untuk dipertimbangkan pemberian rebat 10% tersebut dengan mengambil kira bayaran yang telah dibuat secara konsisten sebelum kelulusan penjadualan/ penstrukturuan semula tersebut.

### **(VIII) PEMBAYARAN AWAL PEMBIAYAAN PENDIDIKAN**

Soalan 1 :

**Sekiranya keseluruhan pembayaran balik pembiayaan pendidikan dibuat dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian, adakah kos upah dikenakan?**

Jawapan :

Penyelesaian penuh pembiayaan pendidikan dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian tidak akan dikenakan kos upah.

Soalan 2 :

**Bolehkah saya membuat bayaran balik ansuran bulanan lebih awal iaitu sebelum enam (6) bulan dari tarikh mula bayar?**

Jawapan :

Boleh. Bayaran balik lebih awal adalah digalakkan. Bayaran balik yang dibuat sebelum dari tarikh mula bayar tidak akan dikenakan kos upah. Manakala bayaran ansuran yang dibuat mengikut jadual bayaran balik adalah tertakluk kepada kos upah yang telah dibina.

Soalan 3 :

**Perlukah saya menunggu surat arahan bayaran balik daripada pihak PTPTN sebelum memulakan bayaran balik?**

Jawapan :

Penerima biaya tidak perlu menunggu surat arahan bayaran balik daripada PTPTN. Bayaran yang dibuat dalam tempoh enam (6) bulan selepas tamat pengajian atau tamat pembiayaan pendidikan tidak akan dikenakan kos upah.



## (IX) BAYARAN BALIK MELALUI POTONGAN GAJI

**Soalan 1 :**

**Bagaimakah caranya membayar balik pembayaran pendidikan menerusi potongan gaji?**

**Jawapan :**

Bayaran balik menerusi potongan gaji boleh dilakukan melalui kaedah berikut:

- Mengisi Borang Permohonan Potongan Gaji yang boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi PTPTN; atau
- Permohonan rasmi secara bertulis (perlu menyatakan maklumat berikut):
  - Maklumat peribadi (Nama, no. kad pengenalan, alamat terkini).
  - Maklumat majikan (Nama syarikat, alamat dan no. telefon majikan); atau
- Menghubungi nombor talian terus Pegawai Bertanggungjawab.

\* Maklumat tersebut perlu dikemukakan kepada Pejabat PTPTN Negeri yang berhampiran.

**Nota :**

*Penerima biaya akan menerima salinan arahan potongan gaji daripada LHDNM kepada majikan. Pembayaran balik menerusi arahan potongan gaji akan mengambil masa satu (1) hingga tiga (3) bulan sebelum dapat dilaksanakan oleh LHDNM. Sementara itu, penerima biaya boleh membuat bayaran sendiri menggunakan kaedah bayaran balik yang lain untuk mengelakkan tunggakan ansuran.*

---

**Soalan 2 :**

**Bolehkah saya membuat permohonan potongan gaji terus kepada LHDNM?**

**Jawapan :**

Tidak boleh. Penerima biaya perlu membuat permohonan potongan gaji kepada PTPTN terlebih dahulu sebelum arahan potongan gaji diberikan kepada majikan. Ini kerana pengesahan maklumat ansuran bulanan berdasarkan Jadual Bayaran Balik (JBB) perlu dimaklumkan kepada LHDNM dan majikan sebelum potongan gaji dapat dilaksanakan.

---

**Soalan 3 :**

**Saya telah pun membuat bayaran balik secara potongan gaji melalui LHDNM. Walau bagaimanapun saya tidak mengisi Borang Potongan Gaji semasa menerima tawaran Ujrah. Apakah yang akan berlaku kepada potongan gaji saya?**

**Jawapan :**

Jumlah ansuran potongan gaji adalah kekal seperti potongan sedia ada. PTPTN tidak membuat pindaan amaun potongan gaji dengan pihak LHDNM.

---

**Soalan 4 :**

**Saya mengisi Borang Potongan Gaji tetapi amaun ansuran semasa berbeza dengan tawaran Ujrah. Apakah yang akan berlaku kepada amaun ansuran semasa saya?**

**Jawapan :**

PTPTN akan membuat pindaan amaun potongan gaji dengan pihak LHDNM. Maklumat berkenaan pindaan tersebut akan dikemukakan kepada majikan dan salinan kepada penerima biaya.

---

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Soalan 5 :

**Mengapakah pembayaran/ potongan gaji melalui LHDNM lewat dikemaskini di penyata penerima biaya PTPTN?**

Jawapan :

Rekod pembayaran di PTPTN dikemaskini mengikut tarikh wang tersebut diremitkan oleh LHDNM ke PTPTN. LHDNM akan remit wang ke PTPTN dua kali sebulan iaitu pada pertengahan dan hujung bulan. Oleh itu, pembayaran yang dibuat pada bulan semasa hanya akan dikemaskini pada bulan berikutnya.

Soalan 6 :

**Mengapa rekod potongan gaji saya tidak sama dengan penyata PTPTN?**

Jawapan :

Rekod potongan gaji dikemas kini berdasarkan maklumat yang diterima daripada LHDNM. Sekiranya terdapat perbezaan, penerima biaya dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat potongan yang telah dibuat oleh majikan dan mengemukakan kepada PTPTN untuk semakan lanjut dengan LHDNM.

Soalan 7 :

**Saya lewat mendapat pekerjaan serta mempunyai ansuran tertunggak dan ingin memulakan potongan gaji. Bolehkah potongan gaji saya melebihi ansuran bulanan yang ditetapkan?**

Jawapan :

Boleh. Penerima biaya boleh membuat potongan gaji melebihi ansuran yang ditetapkan dengan mengemukakan surat makluman/ mengisi borang permohonan potongan gaji berkenaan jumlah ansuran yang dikehendaki kepada PTPTN. Ansuran bulanan tertunggak tidak boleh ditangguhkan dan perlu dibayar sendiri kerana potongan gaji adalah untuk ansuran bulanan semasa sahaja.

Soalan 8 :

**Saya telah dikenakan saman dan senarai hitam, bolehkah bayaran balik melalui potongan gaji dibuat?**

Jawapan :

Boleh. Penerima biaya dikehendaki menghubungi Bahagian Perundangan dan Pendakwaan atau Pejabat PTPTN Negeri bagi pelaksanaan potongan gaji dilakukan.

Soalan 9 :

**Saya telah membuat bayaran balik melalui potongan gaji, bolehkah saya membatalkan potongan gaji sekiranya saya ingin membuat pembayaran sendiri?**

Jawapan :

Tidak boleh. PTPTN telah menetapkan pembatalan hanya boleh dibuat sekiranya penerima biaya telah melangsaikan keseluruhan hutang pembiayaan/ telah berhenti kerja/ penerima biaya disahkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia sahaja.



Soalan 10 :

**Sekiranya saya telah membuat penyelesaian penuh pembiayaan, bagaimanakah caranya untuk saya membatalkan potongan gaji tersebut?**

Jawapan :

Surat arahan pembatalan gaji hanya akan dikeluarkan secara serta-merta jika penerima biaya membuat bayaran sekali gus di kaunter PTPTN. Bagi penerima biaya yang membuat pembayaran melalui saluran selain kaunter PTPTN, surat pembatalan arahan potongan gaji akan dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas pengesahan penyelesaian penuh dilakukan.

#### (X) BAYARAN BALIK MELALUI PENGELOUARAN KWSP

Soalan 1 :

**Bolehkah saya membuat bayaran balik melalui pengeluaran KWSP dan apakah syarat-syaratnya?**

Jawapan :

Boleh. Syarat-syarat bagi pengeluaran KWSP untuk tujuan bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN adalah seperti berikut:

- Permohonan pengeluaran oleh Ahli sendiri:
  - Bagi pengajian Ijazah dan Diploma, perjanjian pembiayaan pendidikan adalah dari 2 Januari 2001 ke atas.
- Permohonan pengeluaran oleh Ibu/ Bapa penerima biaya:
  - Bagi Ijazah, perjanjian pembiayaan pendidikan adalah dari April 2000 ke atas.
  - Bagi Diploma, perjanjian pembiayaan pendidikan adalah dari 17 Januari 2006 ke atas.

Soalan 2 :

**Bagaimanakah cara/ kaedah pengeluaran KWSP bagi tujuan pembayaran?**

Jawapan :

Kaedah memohon pengeluaran KWSP adalah seperti berikut:

Langkah 1:

Penerima biaya perlu mengisi Borang Pengesahan Baki Pembiayaan (terdapat dalam Portal Rasmi PTPTN) di kaunter Ibu Pejabat PTPTN dan Pejabat PTPTN Negeri diseluruh negara dan surat tersebut akan dihantar kepada penerima biaya.

Langkah 2:

- Penerima biaya perlu membawa Surat Pengesahan Baki Pinjaman tersebut beserta dokumen berikut ke KWSP bagi tujuan pengeluaran:
  - Perjanjian Asal Pembiayaan Pendidikan PTPTN; atau
  - Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan PTPTN; dan
  - Skroll beserta transkrip dan salinan; dan
  - Kad pengenalan dan salinan

\* Semua salinan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

- Lain-lain syarat dan perkara perlulah dirujuk terus kepada KWSP kerana KWSP mempunyai peraturan tersendiri mengenai kaedah memohon pengeluaran ini.

Soalan 3 :

**Bolehkah pasangan peminjam mengeluarkan KWSP (Akaun II) untuk bayaran balik bagi pembiayaan isteri?**

Jawapan :

Tidak boleh. Syarat-syarat bagi pengeluaran KWSP hanya diberikan kepada ahli sendiri atau pengeluaran oleh ibu bapa penerima biaya.

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



## (XI) SENARAI HITAM

Soalan 1 :

**Bagaimakah cara untuk mengetahui samada nama saya telah disenarai hitam?**

Jawapan :

Semakan senarai hitam boleh dilakukan di Portal Rasmi PTPTN (Semakan Penerima Biaya Yang Disenarai Hitam), atau menghubungi Pegawai Bertanggungjawab atau hubungi Call Centre di talian 03-2080 4455. Semakan juga boleh dilakukan melalui Portal Rasmi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan menyemak status perjalanan.

Soalan 2 :

**Apakah implikasinya, jika nama saya telah disenarai hitam?**

Jawapan :

Penerima biaya akan dihalang daripada meninggalkan Malaysia/ keluar negara, tidak dibenarkan memperbaharui pasport dan permohonan pasport baru akan ditolak oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

Soalan 3 :

**Bolehkah saya membuat rayuan bagi pelepasan senarai hitam jika saya tidak mampu untuk menyelesaikan keseluruhan tunggakan secara sekali gus?**

Jawapan :

Boleh. Prosedur rayuan pembatalan nama dari senarai hitam adalah seperti berikut:

Langkah 1 – Kemukakan surat rayuan

Penerima biaya perlu mengemukakan permohonan rayuan rasmi berhubung rancangan pembayaran yang bakal dilaksanakan besertakan dokumen-dokumen yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. Surat Rayuan; dan
- ii. Salinan Slip Gaji terkini sekiranya bekerja; atau
- iii. Penyata pendapatan bagi penerima biaya yang bekerja sendiri; atau
- iv. Surat Akuan daripada Pesuruhjaya Sumpah diperlukan sekiranya penerima biaya tidak bekerja; atau
- v. Penyata KWSP yang terkini sekiranya ada; atau
- vi. Surat Tawaran Belajar jika masih belajar; atau/ dan
- vii. Pengesahan pindaan tarikh tamat pengajian dari IPT jika masih belum menamatkan pengajian.

Langkah 2 – Makluman/ semakan keputusan rayuan

Keputusan rayuan akan dimaklumkan kepada penerima biaya melalui emel atau telefon (jika maklumat dikemaskini). Penerima biaya juga boleh menyemak keputusan rayuan dengan menghubungi Pegawai Bertanggungjawab ataupun melalui Call Centre di talian 03-2080 4455.



### Langkah 3 – Pembatalan nama dari senarai hitam

Bagi membatalkan nama dari senarai hitam, penerima biaya perlu mengemukakan dokumen berikut selepas bayaran dibuat berdasarkan keputusan rayuan.

- i. Surat akuan.
- ii. Slip bayaran (jika bayaran belum direkodkan dalam penyata)
- iii. Borang potongan gaji/ salinan borang arahan tetap bank (*standing instruction*)

Jangka waktu pembatalan nama daripada senarai hitam adalah tujuh (7) hari bekerja dari tarikh penerimaan tiga (3) dokumen di atas.

Sebarang pertanyaan atau serahan dokumen berkenaan boleh diajukan kepada:

- i. Ibu Pejabat PTPTN
- ii. Semua Pejabat PTPTN Negeri
- iii. One Stop Center KL Sentral dan Putrajaya
- iv. *Urban Transformation Centre (UTC)* terpilih
- v. Call Center PTPTN di talian 03-2080 4455 (pertanyaan sahaja)

## (XII) TINDAKAN SAMAN

Soalan 1 :

**Bagaimana untuk mengetahui samada saya telah dikenakan tindakan saman?**

Jawapan :

Semakan saman boleh dilakukan dengan menghubungi Call Centre di talian 03-2080 4455.

Soalan 2 :

**Saya telah dikenakan tindakan saman dan saya tidak mampu untuk membuat bayaran sekaligus. Apakah kesannya?**

Jawapan :

Penghakiman ingkar atau persetujuan akan direkodkan, dan faedah penghakiman sehingga 4% setahun yang ditetapkan oleh mahkamah akan dikenakan ke atas keseluruhan pembiayaan pendidikan. Penerima biaya digalakkan menerima tawaran Ujrah dan bayaran balik berasaskan JBB yang baru sekiranya penerima biaya masih berada di skim konvensional. Manakala, bagi penerima biaya yang telah bertukar kepada pembiayaan Ujrah, adalah dinasihatkan untuk memohon penstrukturkan semula pembiayaan.

## (XIII) TEMPOH KEMAS KINI BAYARAN

Soalan 1 :

**Berapa harakah tempoh kemaskini maklumat yang diambil oleh PTPTN bagi mengemaskini penyata penerima biaya dan berapakah caj yang dikenakan untuk setiap transaksi?**

Jawapan :

Kaedah bayaran balik pembiayaan pendidikan berserta dengan caj bank dan tempoh kemaskini maklumat pembiayaan pendidikan adalah seperti di Jadual 14 dan di Jadual 15:

# SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Jadual 14 : Kaunter PTPTN Dan Ejen-Ejen Pungutan

Kaunter Bayaran	Caj Bank (RM)	Tempoh Kemas kini (Hari Bekerja)
a) Semua kaunter PTPTN	0.00	Serta-merta
b) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	0.00	Bulan berikutnya
c) Bank Islam	1.00	3 hari
d) CIMB Bank	2.00	3 hari
e) Bank Simpanan Nasional (BSN)	0.50	3 hari
f) Bank Rakyat	0.50	3 hari
g) Pos Malaysia Berhad	2.00	7 hari (kemas kini hari Jumaat)
h) <i>Electronic Data Capture (EDC) Terminal</i>	0.50	3 hari

Jadual 15 : Perbankan Internet

Saluran Bayaran	Caj Bank (RM)	Tempoh Kemas kini (Hari Bekerja)
a) <i>Financial Processing Exchange (FPX)</i>	0.50	Serta-merta
b) Bank Islam ( <a href="http://www.bankislam.biz">www.bankislam.biz</a> )	1.00	3 hari
c) CIMB Bank ( <a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a> )	0.50	3 hari
d) Maybank ( <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a> )	1.00	3 hari
e) RHB Bank ( <a href="http://www.rhb.com.my">www.rhb.com.my</a> )	1.00	7 hari (kemaskini hari Selasa)
f) Public Bank ( <a href="http://www.pbebank.com">www.pbebank.com</a> )	1.00	3 hari
g) Ambank ( <a href="http://www.ambankgroup.com">www.ambankgroup.com</a> )	1.00	3 hari
h) Bank Rakyat ( <a href="http://www.irakyat.com.my">www.irakyat.com.my</a> )	0.50	3 hari
i) Bank Simpanan Nasional ( <a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a> )	0.50	3 hari
j) Agrobank ( <a href="http://www.agronet.com.my">www.agronet.com.my</a> )	0.50	3 hari
k) Pos Online ( <a href="http://www.posonline.com.my">www.posonline.com.my</a> )	0.50	3 hari
l) Affin Bank ( <a href="http://www.affinonline.com">www.affinonline.com</a> )	1.00	3 hari

Nota :

Maklumat ini boleh juga didapati pada muka surat belakang penyata pembiayaan.



#### (XIV) LEJAR/ PENYATA

Soalan 1 :

**Bilakah akaun pembiayaan pendidikan penerima (*conversion Ujrah*) dikemaskini?**

Jawapan :

Akaun penerima biaya (*conversion Ujrah*) akan dikemas kini selepas dokumen tawaran diterima dan diproses serta disahkan oleh PTPTN. Proses pengemaskinian dibuat secara mingguan. Paparan di penyata kira-kira penerima biaya dapat dilihat selepas proses pengemaskinian dilakukan.

Soalan 2 :

**Apa yang berlaku apabila pengemaskinian dibuat?**

Jawapan :

Akaun penerima biaya yang lama akan dikosongkan dan dipindahkan/ diselaraskan ke akaun pembiayaan Ujrah.

Soalan 3 :

**Apakah berlaku kepada bayaran balik yang dibuat selepas tarikh kuatkuasa?**

Jawapan :

Bayaran balik yang diterima selepas tarikh kuatkuasa akan dipindahkan ke akaun pembiayaan Ujrah dan diselaraskan dengan jadual bayaran balik pembiayaan yang baru. Sebarang lebihan bayaran balik akan menyelesaikan ansuran bulanan ke hadapan.

Soalan 4 :

**Bolehkah saya menyemak penyata akaun pembiayaan Ujrah saya melalui Portal Rasmi PTPTN?**

Jawapan :

Boleh. Penerima biaya boleh membuat semakan penyata akaun pembiayaan Ujrah di Portal Rasmi PTPTN.

Soalan 5 :

**Adakah pihak PTPTN akan mengeluarkan resit rasmi bagi bayaran balik pembiayaan pendidikan?**

Jawapan :

Pihak PTPTN hanya akan mengeluarkan resit rasmi bagi bayaran balik yang dibuat di kaunter Ibu Pejabat PTPTN dan Pejabat PTPTN Negeri atau melalui pos (cek, bank draf, kiriman wang dan wang pos) yang dibuat atas nama PTPTN. Manakala bayaran menerusi Agensi Kutipan balik PTPTN seperti LHDNM, Maybank (secara dalam talian (*online*), CIMB Bank Berhad (secara dalam talian (*online* dan kaunter), Bank Islam Malaysia Berhad (secara dalam talian (*online* dan kaunter), RHB Bank (secara dalam talian (*online* dan Bank Simpanan Nasional (kaunter) tidak akan dikeluarkan resit. Bayaran terus kepada LHDNM (selain potongan gaji) akan dikeluarkan resit oleh pihak LHDNM.

## SOALAN LAZIM

Penguatkuasaan dan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan (sambungan)



Soalan 6 :

**Bolehkah saya membuat bayaran balik secara sekaligus *full settlement* pembiayaan pendidikan?**

Jawapan :

Boleh. Penerima biaya perlu mengisi Borang Pengesahan Baki Pembiayaan yang boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi PTPTN/ kaunter PTPTN sebelum penyelesaian penuh dibuat.

Soalan 7 :

**Bilikah tarikh akhir bayaran balik sepatutnya dibayar setiap bulan?**

Jawapan :

Bayaran balik hendaklah dibayar sebelum hari terakhir dalam setiap bulan.

### D. SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN-i)

Soalan 1 :

**Apakah SSPN-i?**

Jawapan :

SSPN-i adalah merupakan satu instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. SSPN-i adalah berlandaskan syariah menggunakan konsep 'Wakalah Bil Istithmar'.

Soalan 2 :

**Apakah objektif SSPN-i?**

Jawapan :

Membudayakan tabiat menabung di kalangan warganegara Malaysia bagi tujuan pendidikan tinggi.

Soalan 3 :

**Siapakah yang layak untuk membuka akaun SSPN-i?**

Jawapan :

SSPN-i adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i) Ibu/ bapa/ penjaga/ individu yang ingin menjadi pendeposit<sup>1</sup> dan/ atau penerima manfaat<sup>2</sup> kepada akaun SSPN-i hendaklah warganegara Malaysia;
- ii) Pendeposit boleh juga membuka akaun untuk dirinya sendiri;
- iii) Setiap pendeposit hanya boleh membuka satu akaun untuk setiap penerima manfaat yang sama;
- iv) Penerima manfaat mestilah berumur antara 1 hari sehingga sebelum mencapai umur 29 tahun;
- v) Penerima manfaat yang telah mempunyai akaun yang dibuka oleh seseorang pendeposit boleh membuka akaun bagi dirinya sendiri atau membuka akaun untuk warganegara Malaysia yang lain. Ini bermakna seorang penerima manfaat pada masa yang sama boleh menjadi pendeposit; dan
- vi) Pendeposit yang berbeza boleh membuka akaun SSPN-i bagi penerima manfaat yang sama dan tiada had bilangan akaun bagi setiap penerima manfaat.



Soalan 4 :

**Bagaimanakah caranya untuk membuka akaun SSPN-i?**

Jawapan :

Akaun SSPN-i boleh dibuka di kaunter PTPTN dan ejen SSPN-i di seluruh negara dengan jumlah simpanan minimum RM20.00. Dokumen yang perlu disertakan semasa membuka akaun ialah:

- Salinan MyKad/ Kad Tentera/ Kad Polis pemohon
- Salinan Sijil Kelahiran/ MyKid/ MyKad anak
- Surat Akuan Berkanun/ Sijil Anak Angkat (bagi ibu bapa yang ingin membuka akaun bagi anak angkat di bawah jagaan sah mereka)

Soalan 5 :

**Apakah keistimewaan menyimpan dengan SSPN-i?**

Jawapan :

SSPN-i menawarkan keistimewaan berikut:

- Layak memohon Pembiayaan Pendidikan PTPTN.
- Pelepasan taksiran cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM6,000.00 setahun.
- Perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000.00 dan ke atas.
- Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000.00 untuk satu keluarga yang layak.
- Simpanan serendah RM20.00 pada bila-bila masa dan dijamin oleh Kerajaan.
- Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- Kemudahan menyimpan di cawangan PTPTN dan lebih 3,000 cawangan ejen SSPN-i.

Nota :

- \* Perlindungan takaful berupa manfaat dan/ atau khairat kematian hanya layak untuk pendeposit yang berumur 18 tahun hingga 65 tahun. Sementara penerima manfaat yang berumur 1 hari hingga 28 tahun hanya layak mendapat khairat kematian jika berlaku kematian ke atasnya. Walaupun bagaimanapun, ia tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan. Umur 65 tahun dan 28 tahun adalah layak sebelum tarikh ulang tahun kelahiran.
- \*\* Pendeposit mempunyai pendapatan bulanan keluarga (gaji pokok) tidak melebihi RM4,000.00 sebulan layak dipertimbangkan pemberian Geran Sepadan apabila anak diterima dan mendafat masuk ke mana-mana IPT yang diiktiraf oleh Kerajaan, penerima manfaat hendaklah belum mencapai umur 29 tahun semasa permohonan pengeluaran Geran Sepadan dan tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh pengajian penerima manfaat.

Soalan 6 :

**Adakah akaun SSPN-i boleh dibuka pada bila-bila masa?**

Jawapan :

Akaun SSPN-i boleh dibuka pada bila-bila masa tertakluk kepada syarat-syarat pembukaan akaun.

# SOALAN LAZIM

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) (sambungan)



Soalan 7 :

**Apakah saluran simpanan SSPN-i?**

Jawapan :

Kaedah dan saluran simpanan SSPN-i seperti di Jadual 16:

**Jadual 16 : Kaedah Simpanan SSPN-i**

Bil.	Saluran	Agensi/ Ejen
1.	Kaunter	<ul style="list-style-type: none"><li>• PTPTN</li><li>• Maybank</li><li>• Bank Islam</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li><li>• CIMB Bank</li><li>• Agrobank</li><li>• Bank Rakyat</li><li>• RHB Bank</li></ul>
2.	Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kikitangan Awam:<ul style="list-style-type: none"><li>- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)</li><li>- Perbadanan Negeri</li><li>- Badan Berkanun</li><li>- Pihak Berkuasa Tempatan</li></ul></li><li>• Kikitangan Swasta:<ul style="list-style-type: none"><li>- Persetujuan majikan masing-masing</li></ul></li></ul>
3.	Portal Rasmi PTPTN (e-SSPN-i) Melalui <i>Financial Processing Exchange</i> (FPX)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li><li>• CIMB Bank</li><li>• Bank Islam</li><li>• Hong Leong Bank</li><li>• Public Bank</li></ul>
4.	Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank (<a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>)</li><li>• CIMB Bank (<a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a>)</li><li>• Bank Simpanan Nasional (<a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a>)</li></ul>
5.	<i>Automated Teller Machine</i> (ATM) dan <i>Cash Deposit Machine</i> (CDM)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li></ul>
6.	Arahan Tetap	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li></ul>
7.	<i>Phone Banking</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li></ul>
8.	<i>Autodebit</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Agrobank</li></ul>
9.	Terminal One Pay	<ul style="list-style-type: none"><li>• 400 outlet (senarai outlet, rujuk Portal Rasmi PTPTN di <a href="http://www.ptptn.gov.my">www.ptptn.gov.my</a>)</li></ul>
10.	<i>Electronic Data Capture</i> (EDC) Terminal	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kaunter Pejabat PTPTN seluruh negara. Kemudahan ini membolehkan penggunaan Kad ATM atau Kad Debit bank-bank tempatan yang mempunyai logo MEPS</li></ul>



Soalan 8 :

**Bolehkah penerima manfaat mempunyai lebih daripada satu akaun?**

Jawapan :

Seseorang penerima manfaat boleh mempunyai lebih daripada satu akaun iaitu akaun yang dibuka oleh ibu atau bapa atau penjaga atau mana-mana warganegara Malaysia yang lain dan penerima manfaat yang telah mencapai umur 18 tahun juga boleh membuka akaun diri sendiri.

---

Soalan 9 :

**Adakah pendeposit dan penerima manfaat mesti terdiri dari ahli keluarga terdekat?**

Jawapan :

Tidak semestinya kerana mana-mana warganegara Malaysia boleh membuka akaun untuk warganegara Malaysia yang lain.

---

Soalan 10 :

**Sekiranya penerima manfaat telah mencapai umur 29 tahun, adakah akaun SSPN-i perlu ditukar ke akaun diri sendiri?**

Jawapan :

Ya, penutupan akaun akan dibuat oleh PTPTN dan penerima manfaat tersebut hendaklah membuka akaun diri sendiri sekiranya ingin meneruskan simpanan dalam SSPN-i.

---

Soalan 11 :

**Berapa lama proses permohonan pembukaan akaun SSPN-i?**

Jawapan :

Proses permohonan pembukaan akaun SSPN-i mengambil masa tidak lebih 14 hari bekerja selepas penerimaan dokumen permohonan yang lengkap kecuali pembukaan akaun di Maybank, Bank Islam, Agrobank, Bank Rakyat dan RHB Bank yang dilakukan secara online. PTPTN akan menghantar Kad SSPN-i berserta surat iringan kepada pendeposit.

---

Soalan 12 :

**Adakah Kad SSPN-i berfungsi seperti kad ATM bank?**

Jawapan :

Kad SSPN-i bukan kad ATM bank yang boleh digunakan bagi tujuan pengeluaran simpanan. Kad ini adalah sebagai pengesahan pembukaan akaun SSPN-i sahaja.

---

Soalan 13 :

**Bagaimanakah cara untuk mendapatkan Kad SSPN-i yang baru sekiranya Kad SSPN-i sedia ada telah hilang?**

Jawapan :

Pendeposit hendaklah memaklumkan kepada PTPTN mengenai kehilangan Kad SSPN-i melalui surat, aduan dalam talian (<http://icare.ptptn.gov.my>) atau hubungi Call Centre di talian 03 - 2080 4455 atau boleh hadir di mana-mana Pejabat PTPTN Negeri yang berhampiran.

---

Soalan 14 :

**Apakah keistimewaan simpanan secara potongan gaji?**

Jawapan :

- Memudahkan simpanan secara tetap dan konsisten
  - Menjamin masa dan kos tanpa perlu ke kaunter PTPTN atau ejen SSPN-i
  - Menanamkan sikap jimat cermat serta melahirkan sikap budaya menabung
-

# SOALAN LAZIM

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) (sambungan)



Soalan 15 :

**Bagaimanakah caranya untuk memulakan/ menamatkan simpanan secara potongan gaji?**

Jawapan :

Pendeposit perlu mengisi dan melengkapkan Borang Kebenaran/ Penamatan Potongan Gaji Bulanan SSPN-i yang boleh didapati di kaunter PTPTN dan ejen SSPN-i atau mencetak borang tersebut melalui Portal Rasmi PTPTN. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada majikan dan salinan kepada PTPTN.

Soalan 16 :

**Bolehkah simpanan SSPN-i digunakan untuk membuat bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN atau agensi lain?**

Jawapan :

Pendeposit boleh mengeluarkan simpanan SSPN-i untuk apa-apa tujuan pada bila-bila masa.

Soalan 17 :

**Adakah simpanan SSPN-i dipotong secara automatik sekiranya penerima biaya tidak membuat bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN mengikut tempoh yang telah ditetapkan?**

Jawapan :

Tidak. SSPN-i dan Skim Pembiayaan Pendidikan adalah skim yang berbeza walaupun kedua-duanya di bawah PTPTN.

Soalan 18 :

**Bagaimanakah untuk mengetahui baki simpanan SSPN-i?**

Jawapan :

Penyata Akaun SSPN-i boleh disemak atau dicetak melalui Portal Rasmi PTPTN. Semakan juga boleh dibuat dengan menghubungi Call Centre di talian 03-2080 4455 atau hadir ke Pejabat PTPTN Negeri dan mana-mana Maybank, RHB Bank dan Bank Rakyat.

Soalan 19 :

**Bilakah simpanan SSPN-i boleh dikeluarkan?**

Jawapan :

Simpanan SSPN-i boleh dikeluarkan pada bila-bila masa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa.

Soalan 20 :

**Siapakah yang boleh mengeluarkan simpanan SSPN-i?**

Jawapan :

Pendeposit sahaja yang boleh mengeluarkan simpanan SSPN-i.

Soalan 21 :

**Adakah caj dikenakan jika ingin mengeluarkan simpanan SSPN-i?**

Jawapan:

Tiada caj dikenakan.



Soalan 22 :

**Bagaimakah caranya untuk mengeluarkan simpanan SSPN-i?**

Jawapan :

Pendeposit hendaklah mengisi dan melengkapkan dokumen berikut serta mengemukakan melalui ejen SSPN-i atau diposkan terus kepada PTPTN:

- Slip Pengeluaran Deposit/Tuntutan Geran Sepadan atau Borang Pengeluaran/ Penutupan Akaun/ Tuntutan Geran Sepadan
- Nombor akaun bank peribadi pendeposit jika ingin wang simpanan tersebut dikreditkan ke akaun pendeposit.

Soalan 23 :

**Berapa lama proses pengeluaran deposit/ penutupan akaun?**

Jawapan :

Proses permohonan pengeluaran deposit/ penutupan akaun mengambil masa tidak lebih 14 hari bekerja selepas penerimaan dokumen permohonan yang lengkap.

Soalan 24 :

**Sekiranya pendeposit meninggal dunia, bagaimakah proses penutupan akaun SSPN-i?**

Jawapan :

Sekiranya simpanan dalam akaun SSPN-i kurang daripada RM3,000.00, waris hendaklah mengisi dan melengkapkan dokumen berikut serta mengemukakan melalui ejen SSPN-i atau diposkan terus kepada PTPTN.

- Borang Penutupan Akaun atau Borang Pengeluaran/ Penutupan Akaun/ Tuntutan Geran Sepadan.
- Salinan MyKad/ Kad Polis/ Kad Tentera waris.
- Salinan kad SSPN-i.
- Salinan Sijil Kematian pendeposit.
- Borang Pengesahan Waris kepada pendeposit SSPN-i (simati).
- Borang Bon Tanggung Rugi yang disediakan oleh PTPTN serta dimatikan Setem Hasil bernilai RM10.00.
- Nombor akaun bank peribadi waris sekiranya ingin wang simpanan tersebut dikreditkan ke akaun waris.

Manakala sekiranya simpanan dalam akaun SSPN-i berjumlah RM3,000.00 dan ke atas, waris hendaklah mengisi dan melengkapkan dokumen berikut serta mengemukakan melalui ejen SSPN-i atau diposkan terus kepada PTPTN.

- Borang Penutupan Akaun atau Borang Pengeluaran/ Penutupan Akaun/ Tuntutan Geran Sepadan.
- Salinan MyKad/ Kad Polis/ Kad Tentera waris yang disahkan oleh pihak yang diberi kuasa.
- Salinan Sijil Kematian pendeposit.
- Mengemukakan salah satu dokumen berikut daripada mana-mana badan yang dilantik (asal dan salinan):
  - Surat Kuasa Mentadbir/ Geran Probet (Petisyen di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959) yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaysia; atau
  - Surat Kuasa Mentadbir yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah; atau
  - Surat Kuasa Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Amanah Raya Berhad Seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akuan/ Arahan).

## **SOALAN LAZIM**

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) (sambungan)



Soalan 25 :

**Siapakah yang layak mendapat insentif pelepasan taksiran cukai?**

Jawapan :

Ibu bapa dan ibu bapa angkat/ penjaga yang sah dari segi undang-undang yang menyimpan dalam akaun SSPN-i untuk manfaat anak layak mendapat insentif pelepasan taksiran cukai.

Soalan 26 :

**Bagaimana caranya untuk melayakkan pendeposit mendapat insentif pelepasan taksiran cukai?**

Jawapan :

Pendeposit hendaklah membuat simpanan dalam tahun taksiran. Jumlah simpanan bersih tahun taksiran iaitu selepas ditolak dengan pengeluaran adalah layak mendapat insentif pelepasan cukai taksiran.

Soalan 27 :

**Berapa had maksimum insentif pelepasan taksiran cukai?**

Jawapan :

Had maksimum adalah sehingga RM6,000.00 setahun.

Soalan 28 :

**Bilakah kenaikan insentif taksiran cukai daripada RM3,000.00 kepada RM6,000.00 berkuat kuasa?**

Jawapan :

Kenaikan insentif pelepasan taksiran cukai kepada RM6,000.00 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012.

Soalan 29 :

**Bagaimana caranya untuk mengetahui amaun layak insentif pelepasan taksiran cukai?**

Jawapan :

Pendeposit boleh menyemak atau mencetak penyata ringkasan akaun SSPN-i untuk insentif pelepasan taksiran cukai yang disediakan melalui e-SSPN-i di Portal Rasmi PTPTN dengan memasukkan nombor MyKad pendeposit dan kata laluan iaitu nombor MyKad/ MyKid/ Sijil Kelahiran penerima manfaat.



# 4

## MAKLUMAT PERHUBUNGAN

INFO PTPTN

"ENDIKA NTINGGI"



# MAKLUMAT PERHUBUNGAN



## 4. Maklumat Perhubungan

### Ibu Pejabat PTPTN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional  
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana  
Off Jalan Semantan, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

### Waktu Operasi

Iasnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)  
  
Talian Hotline : 03 - 2080 4455  
8.00 pagi - 6.00 petang

### One Stop Center PTPTN KL Sentral

Unit 1 & 2A, 2B  
Level 2, Stesen Sentral Kuala Lumpur  
50470 Kuala Lumpur

Iasnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)  
  
Sabtu dan Ahad (Kecuali Cuti Umum)  
9.00 pagi - 12.00 tengah hari

### One Stop Center PTPTN Putrajaya

Kementerian Pendidikan Malaysia  
No. 2, Menara 2, Jalan P5/6  
Presint 5, 62200 Putrajaya

Iasnin - Jumaat  
8.00 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Iasnin - Khamis :  
1.00 petang - 2.00 petang)  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)

### Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kuala Lumpur

Lot T3-9, Tingkat 3, UTC Pudu Sentral  
Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur  
  
No. Tel : 03 - 2026 2192 / 03 - 2026 2193

Iasnin - Ahad  
8.30 pagi - 10.00 malam  
(Waktu Rehat Iasnin - Ahad :  
7.00 malam - 8.00 malam)  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)

### Pejabat PTPTN Negeri Selangor

Tingkat Bawah, Tingkat Mezzanine  
dan Tingkat 8  
Menara MRCB, No. 2  
Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14  
40712 Shah Alam, Selangor  
  
No. Tel : 03 - 5510 8343  
No. Faks : 03 - 5510 3852

Iasnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)



#### **Pejabat PTPTN Negeri Sembilan**

Tingkat 3, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan  
Jalan Yam Tuan  
70000 Seremban, Negeri Sembilan

No. Tel : 06 - 762 6643  
No. Faks : 06 - 767 2030

#### **Waktu Operasi**

Isnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)

#### **Pejabat PTPTN Negeri Melaka**

Suite 4.2 - 4.5, Aras 4  
Urban Transformation Centre (UTC)  
Jalan Hang Tuah  
75300 Melaka

No. Tel : 06 - 333 3333 (Operator)  
samb. 6023  
No. Faks : 06 - 281 9927

Isnin - Khamis  
8.30 pagi - 10.00 malam  
(Waktu Rehat :  
7.00 malam - 8.00 malam)

Jumaat  
8.30 pagi - 10.00 malam  
(Waktu Rehat :  
12.30 tengah hari - 2.45 petang  
7.00 petang - 8.00 malam)

Sabtu - Ahad  
8.30 pagi - 10.00 malam  
(Waktu Rehat :  
1.00 petang - 2.00 petang  
7.00 petang - 8.00 malam)

#### **Pejabat PTPTN Negeri Johor**

No. 17, Jalan Padi Emas 1/5  
Uda Business Centre, Bandar Baru Uda  
81200 Johor Bahru, Johor

No. Tel : 07 - 237 1060  
No. Faks : 07 - 238 1090

Ahad - Rabu  
8.30 pagi - 5.00 petang

Khamis  
8.30 pagi - 3.30 petang

#### **Pejabat PTPTN Cawangan UTC Johor**

Pusat Transformasi Bandar (UTC) Johor  
L3-UTC-04, Galeria @ Kotaraya, Jalan Trus  
80000 Johor Bahru, Johor

No. Tel : 07 - 224 1044  
No. Faks : 07 - 224 1046

Isnin - Ahad  
8.30 pagi - 10.00 malam  
(Waktu Rehat Isnin - Ahad :  
7.00 malam - 8.00 malam)  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)

#### **Pejabat PTPTN Cawangan Kluang**

No. 14, Jalan Manan  
86000 Kluang, Johor

No. Tel : 07 - 776 1913

Ahad - Rabu  
8.30 pagi - 5.00 petang  
Khamis  
8.30 pagi - 3.30 petang

# MAKLUMAT PERHUBUNGAN (sambungan)



## Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang

No. 53, Jalan Todak 6  
Pusat Perniagaan Bandar Sunway Perdana  
13700 Seberang Jaya  
Butterworth, Pulau Pinang

No. Tel : 04 - 383 1410  
No. Faks : 04 - 383 1419

## Waktu Operasi

Isnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)

## Pejabat PTPTN Negeri Perlis

Lot 36 & 38, Medan Syed Alwi  
01000 Kangar, Perlis

No. Tel : 04 - 979 2318  
No. Faks : 04 - 979 2315

Isnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)

## Pejabat PTPTN Negeri Kedah

No. 1302, Jalan Tunku Ibrahim  
05000 Alor Setar, Kedah

No. Tel : 04 - 720 8403  
No. Faks : 04 - 732 8400

Ahad - Rabu  
8.30 pagi - 5.00 petang

Khamis  
8.30 pagi - 3.30 petang

## Pejabat PTPTN Cawangan UTC Kedah

4 - 11 UTC, Tingkat 4 Bangunan UTC  
Kompleks MBAS, Jalan Kolam Air  
05675 Alor Setar, Kedah

No. Tel : 04 - 736 0600  
No. Faks : 04 - 736 0602

Isnin - Ahad  
8.30 pagi - 10.00 malam  
(Waktu Rehat Isnin - Ahad :  
7.00 malam - 8.00 malam)  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)

## Pejabat PTPTN Negeri Perak

No. 11 & 13, Tingkat Bahaw  
Persiaran Green Town 4  
31300 Green Town, Ipoh, Perak

No. Tel : 05 - 249 8411

Isnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)

## Pejabat PTPTN Cawangan UTC Perak

Lot No. LA 18  
Urban Transformation Centre (UTC) Perak  
Off Jalan Dato' Onn Jaafar, 30300 Ipoh, Perak

No. Tel : 05 - 241 3500  
No. Faks : 05 - 249 8416

Isnin - Ahad  
8.30 pagi - 10.00 malam

**Pejabat PTPTN Negeri Pahang**

No. 48, Malay Town  
Jalan Putra Square 1, Putra Square  
25200 Kuantan, Pahang

No. Tel : 09 - 517 3442  
No. Faks : 09 - 517 3219

**Waktu Operasi**

Isnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
12.15 tengah hari - 2.45 petang)

**Pejabat PTPTN Cawangan UTC Pahang**

No. 2-20  
Pusat Transformasi Bandar (UTC Pahang)  
Bangunan UTC Pahang, Jalan Stadium  
25200 Kuantan, Pahang

No. Tel : 09 - 512 4119

Isnin - Ahad  
8.30 pagi - 10.00 malam

**Pejabat PTPTN Negeri Terengganu**

No. 37 (B6), Blok B:  
Tingkat Bawah, 1 dan 2  
Dataran Emas, Jalan Sultan Sulaiman  
20200 Kuala Terengganu, Terengganu

No. Tel : 09 - 623 3353  
No. Faks : 09 - 622 4842

Ahad - Rabu  
8.30 pagi - 5.00 petang

Khamis  
8.30 pagi - 3.30 petang

**Pejabat PTPTN Negeri Kelantan**

Lot 1158, Tingkat Bawah, Jalan Doktor  
15000 Kota Bharu, Kelantan

No. Tel : 09 - 743 0308  
No. Faks : 09 - 743 0513

Ahad - Rabu  
8.30 pagi - 5.00 petang

Khamis  
8.30 pagi - 3.30 petang

**Pejabat PTPTN Cawangan Kuala Krai**

PT5555 Tingkat Bawah & 1, Taman Yani  
KM1.5 Lebuhraya Kuala Krai - Gua Musang  
18000 Kuala Krai, Kelantan

No. Tel : 09 - 960 2800  
No. Faks : 09 - 960 2818

Ahad - Rabu  
8.30 pagi - 5.00 petang

Khamis  
8.30 pagi - 3.30 petang

# MAKLUMAT PERHUBUNGAN (sambungan)



## Pejabat PTPTN Negeri Sabah

B1-06, Tingkat 1, Warisan Square  
Jalan Tun Fuad Stephens  
88100 Kota Kinabalu, Sabah

No. Tel : 088 - 487 245 / 088 - 487 246  
No. Faks : 088 - 487 249

## Waktu Operasi

Isnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
11.45 pagi - 2.15 petang)

## Pejabat PTPTN Cawangan Tawau

TB 4334, Lot 14, Tingkat 1 (Corner)  
Blok 31 & 32, Fajar Commercial Complex  
Jalan Merdeka, 91000 Tawau, Sabah

No. Tel : 089 - 701 304  
No. Faks : 089 - 701 309

Isnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
11.45 pagi - 2.15 petang)

## Pejabat PTPTN Negeri Sarawak

Lot 519, No 15-I, Section 6  
Al-Idrus Commercial Centre  
Jalan Kulas, 93400 Kuching, Sarawak

No. Tel : 082 - 234 608  
No. Faks : 082 - 239 315

Isnin - Jumaat  
8.30 pagi - 5.00 petang  
(Waktu Rehat Jumaat :  
11.45 pagi - 2.15 petang)

## Pejabat PTPTN Cawangan UTC Sarawak

UTC 1, 4TH Floor, Bangunan UTC Sarawak  
Jalan Bukit Mata, 93100 Kuching, Sarawak

No. Tel : 082 - 243 164  
No. Faks : 082 - 243 172

Isnin - Ahad  
8.30 pagi - 9.00 malam  
(Waktu Rehat Isnin - Ahad :  
6.30 petang - 7.30 petang)  
(Waktu Rehat Jumaat :  
11.45 pagi - 2.15 petang)



[www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)



[icare.ptptn.gov.my](http://icare.ptptn.gov.my)



03 - 2080 4455



Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)



@twitptpn



SaluranMediaPTPTN



instaptpn

**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana  
Off Jalan Semantan, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

**[www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)**

Disember 2014